

dapat free kalau pandai bodek!

KOROK KRING!

rm2

first issue

DIDALAM :

brayok
the obvious
dully dog
datuk K & siti
dhani
si penglipulara
ceritera
review
paris hilton
gossip
amboi..amboi..
laporan gig
art



PENDIDIKAN MAHAL BANGET
PENDIDIKAN AJANG BISNIS ANJING!
- MARJINAL

dis 06



sudah keluar!
bollok wok vol 3



dapat free kalau pandai bodek!

KOROK KRING!

first issue

HEY!DENGAR SINI..

"bagi feedback,komen,kutukan,kritikan melalui alamat disebelah.
hantar juga segala bentuk artikel,review,artwok,gambar,iklan,
puisi,pantun atau apa-apa yang ingin dikontribusikan kedalam zine ini.
jadikan membaca zine amalan hidup anda.adios!"
-editor

design & layout : rizie
editor : rizie
kontribusi :
nizang,fazri
keng,dhani

peti surat :
49,jalan rahim kajai
taman tun dr. ismail
60000 kuala lumpur

emel :
rubygonescrazy@yahoo.com
www.chinesepancake.blogspot.com



SEKAPUR SIREH

Assalamualaikum dan salam sejahtera semua. Selamat datang ke isu pertama korok kring! Isu ini sepatut nya disiapkan pada awal tahun ini. tetapi,disebabkan oleh masalah-masalah yang tidak dapat dielakkan,ianya terpaksa ditangguhkan. Kemalasan yang melampau juga menjadi faktor utama yang menyebabkan kerja-kerja mengumpul artikel,membuat layout menjadi tidak menentu dan lambat untuk disiapkan. Bagaimanapun,seperti yang diwar-warkan,akhirnya zine korok kring! berada ditan-gan anda. Tahniah untuk diri aku sendiri.

Okeh,kenapa nama korok kring!. Maaf,aku pun tak tahu kenapa aku letak nama begitu. Kalau orang putih cakap, tengkorak kering. Tapi,nak bagi nama tu komersial sikit,aku tukarkan kepada dialek terengganu.jadilah ia korok kring.nama ini diusulkan oleh seorang teman . Tanpa berfikir panjang,terus aku bersetuju untuk memilih nama ini sebagai nama zine personal aku! ya,aku pertama kali meng-hasilkan zine. Dan baru berjinak-jinak untuk menulis. Oleh itu,tulisan aku tidak setajam mata pena penulis-penulis zine yang lain. Atau,otai-otai penulis blog, atau penulis suratkhabar. Cukup-cukup makan je. Aku tulis apa yang aku rasa nak tulis. Kita menulis sebab ada orang yang membaca. Betul tak?

Sudah beli MOSH? Untuk pengetahuan semua,nizang kembali dengan zine MOSH keluaran terbaru.cepat kontek die. Fazri(drsa) pun dah keluarkan isu DRSA nya baru. Jugak kontek Fazri. Dan jangan sesekali bandingkan zine ini dengan mosh dan DRSA. Zine ini hanyalah zine personal. Cukup sekadar luahan emosi dan perasaan yang mengarut(haha). Banyak yang perlu dibaiki. Dan untuk itu jugak, feedback dari korang amat diperlukan. Sila berikan komen,kritikan atau segala bentuk luahan ketidakpuasanhatian tentang zine ini.(cewah).Gunakan alamat diatas untuk sebarang bentuk komunikasi. Hantarkan jugak sebarang bentuk kontribusi kepada zine ini. artikel,review,puisi,pantun,artwork,atau apa saja yang dipikirkan perlu untuk dikongsikan didalam zine ini.nescaya anda mendapat senaskah zine ini secara percuma. Tak payah bodek. Lagi satu,kalau rasa zine ni bosan lepas anda beli dan layak di buang. Buang saja. Hehe.Cerita banyak kat sini pun tak guna. Enjoi membaca. Jadikanlah membaca zine sebagai amalan hidup anda. Peace.punk sokmo.

- editor



"yeeahhhaa...,nak tunjuk artwork sikit!"





HERBA KUAT

Berikut merupakan sessi cit cat nizang(amboi..amboi..amboi) dengan Awang dari Dully Dog, band poppunk dari Kuala Terengganu melalui Yahoo Messenger dalam keadaan perbualan santai dan telah di alih bahasa dari bahasa ganu. Enjoy! -nizang

sessi cit cat bersama nizang (amboi..amboi..amboi..)

Amacam band mung sekarang? Siapa line-up terbaru? Apende aktiviti lening?
Jawapan dia ialah... A. Hahahahha. Band aku sekarang slow sikit sebab masing-masing sibuk ngan kerja serta sibuk ngan awek masing-masing. Line up masih line up demo kedua tu "Pictures Of You".

Bukan Sang keluar dah ke? Duang main bass?
Ahahahaha. Ye ahhh. Sang keluar dah. Dah mung tahu kenapa mung tanya? Nyo sungguh.

Dah, bila nak record lagu baru?
Aku bajet2 dalam bulan enam nie. Kalau masing-masing tak sibuk ahh. *(Boh, bulan 12 doh ning...manenye?? –ed)*

Dah macam mana dengan sambutan dua demo terdahulu?
Mana aku tahu mung yang jual. Ahahahahhah.

Hahaha. Yang mung jual?
Yang tu aku tak pasti ahhh. Mung rasa 100 laku tak? Aku pulak tanya mung. Hahahaha.

Amacam kehidupan mung sekarang? Bosan pelik tak?
Sekarang aku duk tumpu pada kerjaya aku sebagai seorang penjual obat. Tak baik boh bosan ngan kehidupan.

Mu jamming dengan siapa lagi sekarang?
Aku jamm dengan Shabri (Kasih Sayang) ngan Mat Lo (Strict Tease).

Best tak hidup lepas bertunang?
Ada yang best dia dan ada yang tak best dia.

Teranglah detail sikit. Apa yang best?
Ok ok. Best dia sebab rasa makin dekat ngan dia. Yang taknya, sbb duduk jauh boh. Pahtu banyak sangat dugaan boh.

Dugaan macam mana tu? Die halang tak mu aktif main music?
Tak dia tak halang aku main music.
Dugaan lain apa lagi?
Mung nak tahu mung tunang lah dulu jon....

Apende pendapat mu tentang awek2 yang tak bagi boyfriend dia pergi gig?
Aku rasa, sebab mungkin bila sebut je gig punk ni, ramai yang nampak kotor. Point dia ajak la awek2 masing2 pergi gig punk. Tok reti aku nak jawab. Hahaha.

Kenapa Dully Dog tak main gig Dungun baru ni ah??
Sebab bassist dengan drummer aku tak yakin nak main.

Dah, band yang cover marjinal tu...kira sekali je la perform? Pastu takde lah?
Yang tu buat opening act jeeee. Ada ke takde, aku tak pasti. Baik mung tanya Fazri. Hahahah.

Ooo. Gitu. Kire memang band cover je lah?
Ho la

Tiada cadang nak buat lagu sendiri?
Ada jugok rasa-rasa nak buat lagu mcm Marjinal. Tapi susahlah sekarang masing-masing duduk jauh semua. Jadi nak jamming pun susah.

Band apa paling mu suka kat Terengganu?
J e l l y b e l l y natanggggggggggggggggggggggggg. Hahahahahah

Boleh listkan band-band projek mung?
Aku main dengan Inikah Hidup second guitar. Pastu aku main gak ngan the Farouks second guitar jugak.

Huhuh. Lagi?
Tu je ahhhh.

Band mu dengan Temi tu apa cerita? Tutup buku dah? Ke lagu2 tu dia buat dengan Aren sekarang? Virgin Villain?
Yang tu tutup buku dah. Temi main dengan Aren sekarang.

Band apa mu dengar sekarang?
Aku duk layan Alkaline Trio sekarang.

Macam mana perasaan mung bila lagu ciptaan mung pernah menjuarai carta lagu2 u/g terengganu satu mase dulu?
Hahahah. Perasaan saya amat terharu sekali. Menangis saya buat seketika. Hahahhaha.

Sampai Jimbo pun kate band mung bes.
Bodo goh. Tak ah aku rasa biasa je. Tp aku terima kasih banyak ahhh sapa yang support band aku.

Tajoe sekarang kat mana?
Tajoe ada anak dah sekarang. Tanya ahh band aku banyak pengaruh band apa?

Kugiran mana menjadi influence terbesar band mung?
Banyak influence band Jellybelly! Hahaha-hahhahahah!

Lagi?
Ok ok. Band aku koya ke Ramones dulu. Kini aku koya ke Subculture pulak. Tapi yang pentingnya, aku boleh koya.

Apende pendapat mu pasal band Clumsy Ruby?
Aku suka lagu-lagu Clumsy Ruby. Sbb bagi aku ...aku suka lagu-lagu yang melodic. Jadi secara jujurnya Clumsy Ruby memang best.

Macam mana pendapat mu tentang keadaan Terengganu lening??
Scene di Terengganu sekarang kira meningkat la sikit sebab aku dengar banyak band-band baru

Ye lah. Tapi takde gig kan? Tu lah problem Terengganu sekarang.
Yang terbaru aku dgr di Jason (60's Studio, Kuala Ibai) ada buat jamming session. Tapi tak tahu ahh jadi ke tak. Hari jumaat baru ni dia buat.

Kalau aku suruh mu buat split dengan band Terengganu yang lain, band mana mu pilih...dan bakpe?
Aku tak kesah mana-mana band pun, tapi kalu buleh bia la band punk rock. Macam Dirty Divider ke.

Tapi sekarang, penjualan cd agak lembap, semua orang kumpul mp3 saja. So, mu rasa guane nok mengatasi masalah tesebut?
Kite musnahkan software yang boleh convert jadi mp3, ke guana?

Gile dasyat, dok bernas lansung idea
Dah mu ada idea lain ke?

Kita buat cd-r je. Pastu jual murah.
Weh lening org tak pandang dah cdr.

Perbualan kami menjadi amat ngarut-ngabang selepas ni, dan Awang quit secara tiba-tiba. Untuk info lanjut, sila e-mail ke lang_cjaym@mad.scientist.com atau addkan myspacenye di email yang sama.


awang dan dullydog



PUNK ,CRUST HARD CORE , ANARCHO , D-BEAT ,RAW NOISE etc.....

Pro Cassette ,Vinyl ,Zine CDs ,T-shirt ,Patches ,& all merchandise etc .....

iklan ini tidak berbayar

Get it at :
www.geocities.com/blacxkonflik

Distributed in Europe by BLACK SEEDS RECORDS (blacxseeds@yahoo.co.uk)
Distributed in Malaysia by BLAST PUNK distribution & merchandise

belalang tua

oleh Fazri www.kohong.blogspot.com

Kutujukan khas buat belalang-belalang tua di Malaysia yang rakus dan tak kenyang-kenyang dengan pertanyaan " Bila nak kenyang nih? Habis daun pokok limau purutku di makanmu. Nanti mati ia, tak dapat ku masak tomyam." Nikmatilah karya Iwan Fals...

BELALANG TUA

Belalang tua diujung daun warnanya kuning kecoklat-coklatan
Badannya bergoyang ditiup angin
Mulutnya masih saja mengunyah tak kenyang-kenyang
Sudut mata kananku tak sengaja melihat belalang tua yang rakus
Sambil menghisap dalam rokokku
Kutulis syair tentang hati yang khawatir
Sebab menyaksikan akhir dari kerakusan
Belalang tua yang tak kenyang-kenyang
Seperti sadar kuperhatikan, ia berhenti mengunyah
Kepalanya mendongak keatas
Matanya melotot melihatku tak senang
kakinya mencengkeram daun
Empat di depan dua di belakang bergerigi tajam
Sungutnya masih gagah menusuk langit berfungsi sebagai radar
Belalang tua masih saja melihat marah ke arahku
Aku menjadi grogi dibuatnya aku tak tahu apa yang dipikirkan
Tiba-tiba angin berhenti mendesir daunpun berhenti bergoyang
Walau hampir habis daun tak jadi patah
Belalang yang serakah berhenti mengunyah
Kisah belalang tua diujung daun yang hampir jatuh tetapi tak jatuh
Kisah belalang tua yang berhenti mengunyah
Sebab kubilang kamu serakah
Oo .. oo .. oo .. oo belalang tua diujung daun
Dengan tenang meninggalkan harta karun
Warnanya hijau kehitam-hitaman
Berserat berlendir bulat lonjong sebesar biji kapas
Angin yang berhenti mendesir
Digantikan hujan rintik-rintik
Aku yang menulis syair
Tentang hati yang khawatir
Tak tahu kapan kisah ini akan berakhir

coretan perasan "keng the king"

Disinilah bermula segalanya.. mengorak langkah sedikit demi sedikit akan membuatkan apa yang kita lakukan akan menjadi lebih bermakna pada masa akan datang.. Itulah yang harus dan dimulakan oleh band ini. Belajar secara terbuka bukanlah satu sifat malu yang perlu disimpan oleh manusia yang ingin berjaya. Tatkala dunia sekarang ketandusan band-band music yang benar-benar berkebolahan untuk bermain secara 'live', band ini semahu-mahunya bermula dari sebawah yang mungkin dan akan belajar dari sudut apa sekalipun. Diharap agar tunjuk ajar dari yang lain akan menjadikan band ini penuh dengan ilmu yang dapat dikongsi bersama yang lain. Tiada guna jika ilmu yang ada tidak dikongsi bersama. Apa yang ada, kita akan sama-sama menaikkan scene music kita sendiri. Tak salah untuk kita bangga kan budaya dan music barat tapi sedarlah bahawa music kita jauh ketinggalan dengan mereka. Apa kata kita yang mulakan dahulu. Malu?? Untuk apa kita malu?? Kita pun manusia dan mereka yang disekiling kita juga manusia. Tiada beza antara kita cuma kelebihan yang tuhan kurniakan kita jadikan sebagai satu kurniaan yang paling berharga dan digunakan dengan sebaiknya. Apalal salahnya kalau kita runtuhkan ego yang terbuku dalam diri dan wujudkan satu semangat yang akan menjadikan kita lebih dewasa untuk mengejar cita-cita yang kita mahukan. Tak rugi jika kita berkorban sedikit untuk mendapatkan kejayaan yang besar pada masa akan datang. Tiada siapa tahu apa yang akan berlaku pada masa akan datang. Kita yang akan mencorakknya dengan gaya dan cara kita sendiri. Kita yang akan menjadikan dunia itu cerah, dunia itu indah, dunia itu megah. Itu semua di tangan kita. Ingatlah, hidup hanya sekali. Kalau bukan kita, siapa lagi..

bersukan,pergi kelas,pergi jalan-jalan..semua dicatatkan oleh mat jan.sesuai untuk mereka yang nak tahu dan sedikit sebanyak belajar tentang bagaimana kehidupan seorang LAW STUDENT.yup!mat jan ambik law dan minat eminem.(aku tahu sebab aku baca buku ni)aku pun tak nak review panjang-panjang,sebab aku pun tak habis baca lagi.terhad!boleh dapatkan melalui aku jugak!rm20.pandai bodek aku kasi free.

Kontek : untuk tempahan melalui mat jan : jongkangz@yahoo.com

blog mat jan : http://www.kroni.biz/jj



MAT JAN

JoNgKaNg JoNgKeT

"kawen doh...."



Kami,Korok Kring Zine dan wakil dari Tok Mung! Kolektif ingin mengucapkan selamat pengantin baru kepada Daniel(guitarist Nosfereal-blackdeath metal dari Kuala Terengganu). Semoga berbahagia selalu. Amin

"Dua hari dua malam saya di Ipoh"

nizang sang penglipurlara..



Assalamualaikum semua sejahtera ke atas kamu. Aku kembali menulis mengarut mengaban. Alkisahnya aku baru start cuti dan aku mengambil keputusan nekad untuk pergi ke Ipoh. Cadangnya hanya satu hari dan terus blah balik kampong yang dirindui. Tapi, malangnya tiket takde pulak. Ye lah musim-musim cuti sekolah macam ni. Jadi aku telah melepak di Ipoh sempena untuk menonton gig anjuran saudara JKKK Batu Gajah, Jim Bugstar.

Pada hari jumaat, aku dan rizie telah blah dari Nervous House (haha!) kurang lebih pada pukul 6 ptg. Kami lantas pergi melepak di sebuah mapley berdekatan masjid jamek bersama Dhani dan beberapa rakan bloggersnya. Kudin dari kugiran Rebel For X yang baru sampai dari Dungun, Terengganu juga mengjoinkan diri beliau untuk bersama-sama mengeteh dan menasik dengan kami. Tepat jam 10 malam aku lantas membawa langkahku beredar dari mapley utk ke terminal bas Puduraya. Bas yang dijadualkan bergerak ke Ipoh pada jam 10.30 akhirnya bergerak jam 11.00 malam. Aku pun mula zzzz...

Aku tiba di Terminal Medan Gopeng kira-kira jam 1.30 pagi dan disambut oleh band member Brayok yang menunggang motorsikal. Kitorang bergegas untuk ke jam studio kepunyaan seorang ahli kumpulan rock lama, Teja. Pada pagi tu, diorang rehearsal untuk persiapan gig pada keesokan harinya. Selepas memeegorengkan diri masing-masing, aku ikut Rudy utk melepak/bermalam/berpagi di Berek Polis Ulu Kinta. Sedih juga tengok keadaan tempat tinggal asrama bujang polis-polis di situ. Bak kata Rudy, kebajikan tidak diambil pusing dan teruk berbanding zaman Mahathir dulu.

Pada pagi Sabtu, kira-kira pukul 10 aku dan Rudy dikejutkan oleh Syamil (drummer Brayok) yang datang ke berek membawa dua bungkus nasik lemak dan dua bungkus Nescafe o ais dari kedai makan makciknya. Terima kasih kepada Syamil kerana membekalkan aku ngn rudy dengan sarapan untuk dua hari berturut-turut.

Kami ke tempat gig dengan menaiki motorsikal. Keadaan agak mencemaskan kerana langit tiba-tiba menjadi gelap seakan ia akan hujan. Kami merempit ke kejadian dan nasib kami baik kerana setibanya kami di tempat gig, barulah hujan turun. Band pertama pada hari itu, tidak lain dan tidak bukan Brayok tempat .

Mereka sempat memainkan semua lagu mereka sendiri yang bakal dirilis sebagai split dengan band punk US iaitu the Ray Grayds. Mereka juga sempat mengcover lagu dari NOFX, Rancid dan juga 'johnny' dari versi Carburetor Dung. Frontman mereka, Rudy agak berani dengan mengutuk Zionist dan pentadbiran Pak Lah secara terbuka. Beliau sempat memberi pesanan terakhir kepada para hadirin yang berbunyi, "Ini adalah budaya yang sihat!"

Band kedua pula ialah band Love As Arson dari Kemaman. Mereka membuka set mereka dengan sebuah cover dari Funeral For A Friend. Mereka menghabiskan set mereka dengan kesemua lagu-lagu mereka yang bakal dikeluarkan oleh label mereka sendiri awal tahun depan. Mereka juga ada membawa banner kugiran mereka dan digantung bersebelahan banner tour FC Five. Ternyata ramai yang terpaku melihat persembahan mereka yang berapi dalam bersahaja.

Seterusnya, anggota kugiran straight edge hardcore dari Kelang mengambil posisi masing-masing. Mereka sangat agresif dan melompat-lompat seperti adik kecil termakan cili api. Mereka-mereka yang hafal lagu mereka kelihatan beriya-iya menyanyi sama-sama dan menunjuk-nunjuk ke langit. Mereka mengcover lagu wajib dari mereka iaitu 'wake the dead' dari come-back kid. Yeah!

Untuk kugiran No Direction dari Singapura, aku lebih banyak menghabiskan masa ke tandas dan berborak-borak dengan rakan-rakan dan kurang memberi tumpuan. Ini kali ke dua aku menyaksikan mereka. Pertama kali dulu di Paul's Place. Memainkan irama hardcore kot.

Kugiran kelima ialah In A Sense yang datangnya dari Taiping. Mereka tampil

sahaja, encik Anchoi merupakan anggota asal band. Mereka membawa lagu-lagu cover seperti 'crusher' dari Ramones dan 'keluangman' dari siri animasi TV disamping lagu-lagu sendiri seperti 'raincity'. Vokalis baru mereka iaitu saudara Wei Yih (dia pernah menjadi kolumnis untuk zine Rainciry) memaparkan aksi lawak dan bersahaja seperti seorang penyanyi kugiran hardcore. Para budak juga tidak ketinggalan menyanyi ramai-ramai di nombor-nombor yang dikenali dan mereka bermain lagu 'keluangman' sekali lagi atas permintaan dari crowd.

Kugiran seterusnya juga agak aku tunggu-tunggu iaitu Elmkids. Kugiran yang tidak asing lagi juga datang dari daerah yang menerima hujan paling banyak di Malaysia, Taiping. Semua lagu yang dimain adalah dari cd split dengan Lucy In The Loo dan juga 'murky night' versi baru yang dimuatkan dalam compilation cd 'Bebas'. Mereka juga mempunyai frontman baru yang tak sempat aku berkenalan.Skatanix band dari Penang dengan cargas mengambil posisi dan tanpa berlengah memainkan lagu-lagu mereka dari album rilisan DIY mereka bertajuk 'damaged 23'. Kelihatan crowd kurang memberi sambutan ketika set mereka. Mengapa ye? Takkan nak dengar lagu cover dari band terkenal saje. Or maybe CD mereka tidak didistribusikan dengan meluas mengakibatkan ramai orang tak tahu lagu mereka. Ya, gitulah nampaknya. Mereka sempat mengcover lagu dari Alkaline Trio tetapi masih tiada sambutan. Harap mereka tidak berkecil hati dan cuba lagi lain kali ya.

Seterusnya, kugiran yang tidak asing lagi satu Malaya pun kenal mengambil tempat iaitu Love Me Butch. Oleh kerana terlalu ramai mengerumuni anggota-anggota band dan merasa agak rimas, aku mengambil langkah bernas dengan hanya melepak di belakang sambil berborak-borak dengan beberapa orang rakan. Mereka membawa lagu-lagu yang digermari ramai agakku kerana ramai yang menyanyi bersama-sama vokalis mereka.Kugiran penutup, tak lain dan tak bukan FC Five dari Jepun. Secara muzikalnya memang agak cool. Kedengaran seperti punk rock, tetapi dengan drum yang pantas dan vocal yang bertenaga. Showmanship mereka memang bertenaga dan sehabis reng.

Selepas set mereka, barulah kami teringat akan perut kami yang sudah mendendangkan irama keroncong pantas sedari tadi. Aku dan anggota Brayok bergegas ke sebuah restoran dan pada malam itu aku makan mee wantan menggunakan chopstick! Sebenarnya 2-3 minggu sebelum tu aku ade jugak try makan nasik guna chopstick kat kolej aku, tapi aku berhenti separuh jalan. Kali ni, aku berusaha dengan begitu gigih



untuk menghabiskan wantan mee itu dengan menggunakan chopstick dan aku berjaya! Yeah! You learn something new everyday.

Sesudah makan, kami berlalu pula ke Bodysurf jam studio pot lepak budak-budak yang bertahan amat lama. Tak silap aku studio ni dah bukak lama, sejak dari 90an dan masih kekal sehingga kini. Kalau aku tak silaplah. Tokey-tokeynye banyak membantu dalam membangunkan scene independent music di Perak dengan menganjurkan gig-gig, mengusahakan label indie, dan membikin kompilasi-kompilasi hebat seperti Kopi Sechewen dan terbaru, Radio Malaya. Respek. Ini merupakan kali kedua aku ke sana. Kali pertama aku ke sana adalah sewaktu band Inikah Hidup praktis kat situ tak lama dulu untuk sebuah gig di Bacteria HQ, Ipoh. Kami menghabiskan masa dengan mengupload gambar di cyber café yang juga beroperasi di bawah Bodysurf kalau tak silap aku. Budak-budak Brayok menggelarkan MySpace sebagai 'taik'. Hahahah...

Salleh sempat menunjukkan log chatting beliau dengan seseorang. Seseorang tu mengatakan tentang Tok Mung kolektif adalah satu kolektif yang mengarut saje. Mungkin kerana kami tidak sepolitikal/radical seperti kolektif-kolektif yang banyak wujud di serata Malaysia beberapa tahun lalu seperti Community Coalition, Berikan Secebis Harapan, Kaseh Kolektif Kota Kinabalu dan lain-lain yang menjalankan aktiviti aksi langsung seperti pengedaran makanan percuma dan lain-lain. Tok Mung kolektif lebih kepada aktiviti music di Terengganu, ya. Tiada salahnya dan kami akan melakukan aktiviti-aktiviti lain di masa hadapan jika ada peluang dan waktu. Kami pernah juga membincangkan tentang pengagihan makanan percuma, tapi agak susah dilaksanakan kerana kami semua sibuk bekerja/belajar di ibukota. Setakat ini, Tok Mung Kolektif ada menganjurkan jam session 'Nasik Dagang Raya

ZINE

Masked Rider #2 (A5/copied/RM2ppd)
Isu pertama zine ni adalah broken rock, tapi untuk isu kedua dinamakan sebagai Masked Rider. Tapi sang editornya kata nama tetap untuk zine dia adalah Broken Rock. Ok, untuk isu kali ni ada interview dengan saudara Fazri yang pernah aktif menganjurkan gig di Kuala Terengganu suatu tika dahulu, menulis zine DRSA (dok rok skepeng abuk) dan bermain di kugiran Kasih Sayang dan Inikah Hidup. Zine ni merupakan sebuah bacaan ringan dengan ruang editorial yang panjang mengenai hidup editor, Aniq. Beliau turut menyentuh tentang isu syarikat kapitalis seperti arak, mcD dan nike dan tidak ketinggalan mengenai reality TV yang menjadi wajib di setiap saluran TV zaman sekarang. Selain itu terdapat beberapa column dari penulis jemputan mengenai kene pau, masalah pengunjung gig yang selalu nak masuk free, chaos punk dan lain-lain. Aniq, pt 9865, Jln Merbau, Kg Batu 2 ½ Chukai, 24000 Kemaman, Terengganu atau slipar_jepung@hotmail.com (nizang)

Panorama #2 (A5/copied/RM2+stamps)
Pada cover zine ni ditulis 'diriku untuk kamu #2' bukan Panorama. Tak paham aku tapi yang lebih penting bagi aku adalah isinya. So, ya untuk isu ini terdapat satu interview panjang lebar iaitu dengan Censored, sebuah band straight up old skool hardcore dari Sabah. Antara topic-topic yang disentuh adalah keistimewaan orang melayu, tentang student-student yang banyak habiskan duit tak tentu arah duit pinjaman study (hehhe...aku pun samalah, aku bnyk habis buat CD –nizang), scene kids and politik, collectivism dan lain-lain. Terdapat juga sesi survey dengan beberapa orang personal berkenaan 'personal writing', 'pakaian kemas untuk org yang berpelajaran', dan 'lelaki perlu ada harta, duit dan nama untuk mendapat kasih sayang wanita'. Selain itu, zine ini memuatkan tulisan-tulisan peribadi dan tidak peribadi dari Al sendiri. Banyak cerita tentang aktiviti dan kehidupan beliau. Ada column pasal 'personal writing', report perjalanan dan gig 'Keningau Bersatu' dan lain-lain. Al nizan, no. 7, lorong iramanis 4, taman iramanis, 88450 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia atau panorama_hc@yahoo.com (nizang)

Folkzine # 1 1/2 (copied/A6)
Pada kulit depan zine bersaiz A6 ni ditulis, 'swedish punk/hc scene report edition'. Apa yang aku terima sebagai trade dari Sweden agak mengecewakan aku pada mula aku dapat sebab tak berape padan dengan stuff yang aku hantar ke sana sebagai trade. Tapi, takpelah. At least stuff dia sampai kat aku tak macam sebelum2 ni kadang sampai kadang tak kalau budak oversea pos stuff kat aku. Macam ditulis pada kulit depan, dalam zine ni semuanya hanyalah scene report HC/punk Sweden sahaja, tetapi secara amat detail dan setiap band disertakan logo rasmi mereka. Susunatur amat kemas, semua alamat disertakan. Tapi aku mengharapkan sesuatu yang lebih dari ni. OK, selain scene report tadi, ada satu page resepi masakan vegan, satu muka surat fanzine review dan satu muka kata penutup. Dia juga ada sertakan patches zine dia yang agak cun kat aku. Kepada yang nak tahu pasal scene di Sweden dan dapatkan alamat2 band, label dan lain-lain dari sana, kontek Folkzine, c/o Andreas Nilsson, Nydalavagen 54 D, 352 48 Vaxjo, SWEDEN. (nizang)

BUKU

Goblog.menghimpunkan 13 penulis blog. Memang best. Penuh variasi. Bacaan yang agak tidak berat. Menghiburkan.sebab banyak dalam buku tu cerita-cerita pancaroba kehidupan anak-anak muda masa kini.Buku yang julung kalinya diriliskan secara d.i.y oleh Papakerma. buku setebal 176 muka surat ini dijual dengan harga rm20 + rm3 setem senaskah. hantarkan pesanan anda sekarang kepada: Ahmad Faisal Othman. Lot 567 Hilir Masjid, Nilam Puri, 16010 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia. emil: faisal@papakerma.com hp: 019-2508857 htpp://www.goblog2006.blogdrive.com

Jongkang jongket.buku himpunan catatan web blog mat jan.mat jan dah bercouple dan jatuh cinta dengan dunia blog pada tahun 2000 lagi.memang dah lama mat jan menulis blog.kebanyakan cerita dan catatan mat jan bertarikh sekitar tahun 2000.mat jan ni boleh dikatakan sangat kreatif dalam menghasilkan catatan beliau.aku sangat suka cara dia habiskan ending catatan dia tu.kadang-kadang apa yang dia tulis tu tak masuk akal.kadang-kadang yang ditulis tu tak pernah terpikirkan oleh kita.dan semestinya,catatan yang menarik minat aku untuk mengahabiskan bacaan aku ialah,catatan beliau yang ringan dan mesra alam(catatan kelakar)boleh dikatakan 90% catatan mat jan dalam buku ini telah membuatkan aku tersengih macam kambing!tergelak macam orang gila.cerita mat jan banyak berkisarkan tentang life mat jan kat universiti tempat mat jan belajar.catatan harian beliau seperti pergi makan,pergi dating,pergi

KASET

Arah Kiri 'rumikot' kaset (gustixkatil)/RM6/$4/US$4

Tak banyak band DIY dari Sabah atau Sarawak merilis tape mereka dalam bentuk pro-tape. Setakat ni, tak silap aku hanya Hasrat, Aparagonis dan yang ini, Arah Kiri. OK, kaset ni datang dengan design cover yang amat cantik bagi aku. Tak silap artwork ni menggunakan pensil warna. Gambar seorang petani memegang pisau kot. Terdapat 9 lagu kesemuanya dalam kaset ni dengan alunan irama blasting loud fastcore dengan dua vokalis! Antara lirik yang diketengahkan ialah seperti counter-culture, hipokrit in the scene, personal writing is not emo dan lain-lain. Oh ya, band ini turut dianggotai oleh Al Nizan, editor Panorama zine. Al nizan, no. 7, lorong iramanis 4, taman iramanis, 88450 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia atau panorama_hc@yahoo.com (nizang)

Marjinal tampil dengan dobel (2 kaset) album teranyar (terbaru) mengandungi 27 tembang lagu-laguan. Masih dengan konsep street punk dengan elemen oi dan rock dengan kualiti bunyi yeng lebih baik berbanding album termarjinalkan terbitan Ronin Distro – membuatkan album ini lebih sedap didengar. Tambahan pula dengan lagu-lagu yang catchy dan sing-a-long. Sebelum aku memiliki album ini, aku dapat satu vcd Marjinal 'On De Giks' yang memaparkan aksi live mereka dan lagu yang menarik perhatian aku ialah Negri Ngeri yang pada waktu itu aku fikir mungkin lagu baru mereka. Dan setelah aku memiliki album predator ini, lagu pertama yang dicari ialah Negri Ngeri tersebut. Ternyata lagu ini mampu memikat hati sesiapa sahaja pendengar buat pertama kalinya. Mungkin iramanya yang sedih bercampur marah menjadikan lagi ini kuat. Kaset 1 mengandungi 13 buah lagu manakala kaset 2 mengandungi 14 buah lagu. Mula-mula dengar, kaset 1 menjadi pilihan berbanding kaset 2 Dengar lama-lama, kedua-dua kaset tu sama sedap. Semua lagu boleh dikatakan sedap. Kalau album termarjinalkan dulu ia lebih kepada rock, kali ini telinga aku dengar lebih banyak unsur oi terutamanya pengaruh oi lama dari UK seperti The Business dan Angelic Upstarts. Kaset 1 mengandungi lagu Marsinah versi baru yang lebih pantas tetapi dengan nada rendah membuatkan susah sikit untuk aku ikut nyanyi lagu ni. Yang pasti mereka bijak memanipulasikan melodi lagu. Kaset 2 pula mengandungi lagu Cinta Pembodohan part-2 – sambungan kepada Cinta Pembodohan dalam album Termarjinalkan. Juga dengan irama yang lebih laju tetapi masih boleh dinyanyi bersama. Apa yang menariknya Marjinal ni selain lagunya ialah liriknya yang orang Terengganu kata 'bijok'. Mereka memaparkan isu-isu seharian berlaku di depan mereka dan juga yang dialami mereka sehinggakan Berdce atau berak di celana atau orang Terengganu kata 'kicik' boleh dijadikan lagu. Banyak kalau nak diceritakan pasal lirik ni. Semuanya menyentuh perasaan. Susah nak cerita. Beli kaset ni atau kalau susah-susah sangat suruh kawan yang ada kaset tu dubbing (tapi bagila kaset kosong atau duitnya, bukan suruh dengan air liur), dengar sendiri, nilai sendiri. Aku dapat kaset ni daripada Kid, tak tau masih ada lagi ke tidak. Atau hubungi marjinal terus di alamat: P.O. Box 7735 JKS LA, Jakarta, 12077, Indonesia. (Fazri)





Jamm', menerbitkan zine 'Mosh isu 9' dan bakal mengeluarkan compilation CD 'Bollok Wok vol. 3' dan juga sebuah gig pada akhir tahun ini, 'Tengkujuh Fest' yang diharap akan menjadi kenyataan dan berjalan lancar.



Oh ya, on a related note. Ada kolektif baru di Terengganu yang menggunakan nama Titik Family yang juga menganjurkan gig dan jam session di Terengganu. Diharap mereka juga cuba membuat aktiviti-aktiviti lain disamping menganjurkan show di sini.

Pada lewat malam itu, selepas mandi dan makan lagi berdekatan dengan rumah mereka, Salleh mempelawa kami semua bermalam di rumahnya pada malam tu. Kat rumah Salleh ni banyak giler deck skateboard. Ada yang patah, ada yang sudah buruk dan ada jugak yang masih ok dan masih dipakai. Semuanya di susun dengan tersusun kat lubang udara bilik beliau. Dia ni kerja kat company ayah die buat bisnes insurans. Jadi sape-sape duk Ipoh nak beli insurans tu, boleh la try carik die ni...hahaha.

Pada keesokan harinya, awal tak awal Syamil mengejutkan kitorang sebab die dah bawak nasik lemak+telur mata+Nescafe o ais die. Hehehehe...tapi aku ngn Rudy masih liat nak bangun dan sambung tidur. Thanks sekali lagi Syamil kerana membekalkan sarapan kepada kami.Petang tu, kami sempat ke Jusco Ipoh untuk membeli baju kemeja Syamil sebab die akan memulakan karier sebagai seorang penyumbang tenaga kepada kerajaan. Lepas beli sehelai baju dan tiada 'seluar slack licin' yang berharga mengikut kemampuan remaja-remaja seperti kita semua, kitorang pergi pula ke Yik Foong complex untuk melawat kedai Free Love Production yang diusahakan oleh saudara Jayzuan. Ni first time aku pegi kedai dia. Antara barangan yang ada jual kat kedai dia seperti kaset, cd dan vcd, second hand dan baru, baju bundle dan baru, majalah second hand, zine-zine dan buku koleksi puisi dari Rahmat Haron. Terpikir jugak aku mampu ke penjualan barang-barang tadi menampung kos sewa RM500 sebulan dan bayar gaji Ahmad (the televators?) yang jaga kedai tu? Hmmm...harap-harap kedai tu dapat bertahan. Aku suke kalau kat Malaysia budak-budak independent music dapat bukak kedai sendiri dan jual stuff-stuff DIY dan independent music/arts. Baru macam oversea. Hahaha!

Oh ya, on a related note. Joe Kidd telah mengumumkan di weblognya pasal kedai graphic/print/indie/diy stuffs yang bakal dioperasikan beliau pada bulan 12 ni di Central Market. Harap semua berjalan lancar. Ni sekadar iklan untuk kedai baru ni. Walaupun otai macam Joe Kidd bukak kedai di tengah-tengah pusat bandar, aku rasa ramai aku pergi dan support. Dalam pada itu, jangan pula kita lupa akan kedai-kedai lain seperti Tools and Trade kat Campbell dan Free Love Prod di Ipoh sendiri. Mereka masih perlu sokongan korang tanpa erti rasa jemu untuk memastikan kedai mereka masih berterusan beroperasi.

Ok, sekian laporan aku pasal 2 malam dan 2 hari di Ipoh. Terima kasih lagi kepada Rudy, Syamil dan Saleh yang sanggup menjadi hos semasa aku berada di Ipoh. Dan ucapan kepada Jim yang kerugian RM400 kerana orang tak ramai datang gig beliau, jangan putus asa! Cuba lagi lainkali. Haha. Jumpa lagi di lain waktu.



NAK SURUH SAYA DESIGN KE??



Kontek la saya.Berpengelaman cetek dibidang politik,tetapi mampu menghasilkan design yang menarik dan menawan mengikut kehendak anda. Sedia menerima tempahan design pada kadar harga yang berpatutan. Hubungi saya segera untuk design baju,cover cd,cover kaset, bussines card,logo,kad kahwin,khidmat fotografi, design button,design flyers,design poster dan segala bentuk design. Tidak menerima pesanan dari parti politik. Sedia menyumbang tenaga untuk sebarang bentuk design yang diperlukan didalam scene community.Pandai bodek,tak payah bayar. Kontek : **rizie(0179094273)**

EMPAT HURUF R DESIGN
rubygonescrazy@yahoo.com
www.myspace.com/rizie



THE OBVIOUS!

The obvious. Band poppish punk KT yang sangat bermelodi. Aku suka lagu-lagu mereka dalam CD split 'The twosome takeover' dengan jellybelly. Lagu-lagu seperti Trouble in love,How could i dan Waiting memang best dan sedap didengar. Okeh,ikuti temubual bersama mereka dibawah. Yeahh..

So, guane sambutan dengan CD split anda bersama Jellybelly? Apa komen anda?
Pada kami, sebagai orang baru dalam scene ini kami berasa sangat berpuas hatilah. Lagipun ini adalah demo yang pertama. Kami juga amat berterima kasih kepada pihak Jellybelly kerana sudi 'menyeplit' bersama kami.

Adakah anda berpuashati dengan hasil rakaman dan permainan anda dalam CD tersebut?
Pada dasarnya,rakaman tersebut amatlah berpuas hati dan kami kurang berpuas hati dengan permainan kami dalam rakaman tersebut. Mungkin ini dari kesilapan kami juga kerana kurang bersedia dan mungkin juga tidak ada pengalaman lagi dalam merakamkan lagu. Lebih-lebih lagi kesemua lagu tersebut direkodkan track by track.

Apa pendapat mu 10 cawangan 7 eleven dibuka dalam masa sekelip mata.
Baguslah boleh beli rokok dan dotted kondom pada bila-bila yang dikehendaki walaupun ianya digunakan untuk membuat belon air.

Tidakkah kamu berasa takut dengan keadaan ini di mana syarikat2 dari Amerika Syarikat cuba menjajah kita kembali dengan senjata baru iaitu kuasa ekonomi dan budaya mereka?
Kami hanya takut kepada peperangan daripada Amerika. Apa soalan ko tanya ni. Ye ke? Tak tau pun. Hehe.

So, apa cerita terbaru dari The Obvious? Tiada perancangan untuk rakaman terbaru?
Cerita terbaru dari kami, terus terang kami katakan, kami sedang sibuk dengan komit men masing2. Biasalah kami mengharungi alam baru iaitu alam pekerjaan(nok kawing ni). Pada rakaman pula, kami bercadang mengeluarkan lagu-lagu baru, mungkin konsep kali ini berbeza sedikit iaitu kebanyakannya lagu lagu tersebut berlirik melayu.

Jika tidak pernah sesekali wujud 'muzik' di muka bumi ini, anda rasa apakah minat anda sekarang?
Mungkin terus main lompat getah dan police sentri...

Ceritakan tentang kerjaya anda dan bagaimana anda bahagikan masa antara music dan kerjaya.
Kerjaya tetap kerjaya. Tanpa kerjaya mana nak cari duit nak main music? Ingat jamming tu free ke? Hehe. Kami hanya bermain music diluar waktu
kerja.

Apa reaksi anda bila orang kata band anda ni band jiwang? Hahaha.
Herm, kami akui fakta tersebut dan mustahil sekiranya tanpa cinta dalam kehidupan.

So, aku dengar drummer mu akan bertunang, adakah ini akan membantutkan aktiviti The Obvious di masa akan datang?
No komen. Kami tetap menyokong beliau sekiranya fakta tersebut betul. Rasanya tiada apa2 yang akan terbantut.

Apa pendapat mu tentang Dato' K?
Muka Dato' K sebijik macam interviewer aku ni.

Adakah apa2 perubahan yang anda dapat setelah CD anda dirilis. Jika ada, adakah ia kearah positif atau negative?
Ada. Ke arah positif. Kami mendapat lebih ramai kenalan dan pendapat2 yang dapat membantu kami untuk memajukan diri kami sendiri. Terima kasih semua.

Ada apa-apa movie atau album yang menarik anda nikmati kebelakangan ini? Sudikah berkongsi dengan kami?
Garasi. Best plek.

Zaman sekarang, semua orang sudah malas untuk membeli album. Cuma download atau copy. Apa saranan pihak tuan utk mengubah kembali situasi ini untuk membuat mereka membeli kembali CD?
Hapuskan burner dah alatan yang canggih. Hahah!

Ada apa-apa anda ingin tambah sebelum kita akhiri perbualan ini?
Ada. Sedikit je.

Ucapan terakhir dari anda?
Bila nak interview kami lagi? Hahha thanks kerana sudi interview kami.



CD

Samurai Champloo 'demo 06' cdt (self-released)
Demo ini dimulakan dengan sampler rap freestyle bahasa Jepun kalau tak silap aku. Band-band thrash memang suka taruk sampler banyak2 supaya lagu jadi panjang. Dari segi music, band dari Pulau Pinang ni bolehla dikatakan mereka memain irama fastcore dengan part2 melodic dan sing-along. Sayangnya vocalnya kurang jelas kedengaran dan seakan-akan growl. Dari segi sound, bolehlah dikatakan jelas dan standard reh demo yang agak mantap. Banyak diselitkan sampler-sampler cerita samurai antara lagu. Lirik-lirik mengenai taknak mengundi, pasal orang yang suka mengkritik tanpa mengenali/mengetahui perkara sebenar, haruan makan anak, marah dekat media dan lain-lain. Mereka juga ada mengcover lagu dari Domestik Doktrin. mangsa_prejudis@yahoo.com or call shahrir 012-3565507 (nizang)

Spitfast/Thrashington DC split cdr (kawaii records)/RM6
Split cdr ni dimulakan dengan cover intro lagu dari The Killers (kalau tak silap aku) dan dimulakan oleh Spitfast dari Jepun. Mereka memainkan irama melodic oldskool hardcore dengan vocal marah tapi agak mengah di beberapa bahagian. Tak cukup stamina kot, mungkin di Jepun masih belum dijumpai teh tongkat ali. Ada juga lagu mereka yang laju seakan fastcore seperti di trek 6, 'over the your song'. Mereka menyanyikan lirik-lirik mengenai orang kaya dan orang miskin, sahabat sejati dan lain-lain. Thrashington DC pula datang dari..... dan memainkan irama fastcore marah. Lagu mereka jauh lebih laju berbanding Spitfast. Kalau mereka ni berlumba rempit, mesti Spitfast kena tinggal 6 tiang. Tapi tak penting sape lagi laju, yang penting iramanya sedap dan liriknya bermakna dan berguna. Lirik dari TDC ni pula berkisar tentang bosan dengan anti-Bush kerena masih ramai lagi ahli politik yang jahat macam george bush di tempat-tempat lain, scene hardcore dan lain-lainlah. Boleh dapatkan dari nervhous distro, distro-distro lain atau order direct dari France. Kawaii Rds, Carville David, 38 rue docteur dubois, 58110 Chatillon en Bazois, France. (nizang)

Kids On The Move 'Kids who Kick' CD (UnitedXFront)/RM16
Agak jarang band-band tempatan merilis-kan full-length album. Kebanyakan band akan merilis ep atau split cd. CD ini mengandungi 10 lagu baru dan segar dari KOTM. Sound quality rakaman adalah tiptop. Mereka membawakan irama melodic youthcrew hardcore dengan pukulan drum padu dan laju serta banyak part-part singalong. Antara lagu yang menarik telinga aku adalah seperti 'kids on the move', 'kids who kick', dan 'the blame'. Sesetengah lirik yang dinyanyikan tidak tipikal band hardcore, sebagai contoh lagu 'media' berkenaan penipuan pihak media secara terang-terang kepada setiap lapisan masyarakat. Datang dengan booklet pro-printed 12 muka. United Front Records, No. 24, Jalan Wangsa Ceria 4, Wangsa Melawati, 53300 Kuala Lumpur, Malaysia www.unitedfrontrecords.com (nizang)

Y2k,pizza salsa. CD album -rm20
Kali ni,datang ngan album.dieorang ni main pop punk.sound yang agak catchy.aku amat tertarik dengan packaging kotak cd album dieorang ni. Korang pernah makan tak domino pizza. Dieorang ambik design tu kotak pizza tu,tapi ubah cara dieorang sikit lawa. Cara lipatan kotak pun sama. Ada 19 lagu kesemuanya. Aku beli cd ni masa dieorang launch dieorang punya album dekat pauls place ituhari. Kontek : www.myspace.com/yes2kapitalism
Atau emel : yes2katpitalism@yahoo.com

The Mindless Show "Apekebangang" ep cdr (Pissart)/RM3+stamp
Yeahh..punk rock! Dieorang main punk rock.3 pieces band. lagu-lagu yang merekan bawakan mempunyai mesej yang tersendiri didalam lirik yang mereka buat.Kontek : Khabir, No. 2 Jalan Putra Bahagia 8/1E, Putra Heights, 47650, Subang Jaya, Selangor, Malaysia or biteyourass@hotmail.com and www.myspace.com/themindlessshow





ALAMAK GUA KANTOI LA TIME INTERVIEW ITU HARI!



- Professor Pang!
(bukan nama sebenar)

Okeh,gua nak cite sikit. Itu hari,waktu pagi. Pakai kemeja murah,seluar slack hitam,gua bersiap-siap. Gua pecutkan skuter gua ke tahap paling maksimum. Gua menuju ke satu destinasi dimana gua pergi melaporkan diri untuk start latihan industri(praktikal) kat salah sebuah company(nama dirahsiakan). First day gua. Dia suruh datang pukul 8.30. Gua bantai pukul 9 baru gerak.hehe.Dah sampai,gua kena tunggu pulak kat bawah. Company besar. Susah la nak main langkah-langkah je. Kena tunggu orang datang.

Tak lama,datang sorang mamat. Dia bawak gua naik tingkat 5. Dia suruh isi borang. Lepas tu,dia cakap,gua kena jumpa ngan manager dia. Sebab supervisor yang akan jaga gua ,tak datang. Sebab cuti. Mampus!(getus hati gua) Manager pun manager la. Lepas siap isi boring. Gua pun kena bawak jumpa ngan Manager. IT manager. Bilik dia hujung sekali. Sah,gua kene jalani sessi soal jawab.(ni dah masuk kali ke3 gua interview) Sebelum ni gua banyak mintak kerja part time je. Interview pun tak susah nak jawab. Kali ni,gua harap dia pun tak tanya banyak dan susah la. Sebab gua ni jenis malas nak bercakap. Lebih-lebih lagi kalau dia nak berbahasa 'London' ngan gua. Gua tak reti sangat la speaking-speaking ni. Cukup-cukup makan je. Tapi gua tawakkal je time tengah menunggu nak jumpa Manager tu nanti.

Sambil gua duk hafal soalan-soalan yang biasa orang tanya. Hehe. Sekali masuk bilik dia. Pompuan daa..nampak pun dah berumur sikit. Harap-harap dia tak garang. Dan gua pun standby la otak gua ni. Supaya berfungsi dengan baik. Gua on kan suis emergency gua. Takut-takut nanti otak gua rosak dan blank ada jugak backup dan cara untuk nak lari dari situasi yang blank itu.Tarik nafas. Hembus,baca doa sikit. Dan. YUP! GUA READY! Hehe.

Masuk je. "Assalamualaikum puan."(gua bagi salam). Dia jawab salam dan suruh gua duduk. Gua duduk. First soalan,biasalah,tanye belajar mana,dari kolej mana.bla..bla... Lepas tu sembang kitaorang menjadi lebat. Dan gua bertalu-talu jawab soalan-soalan senang dia tu. Keyakinan gua sangat tinggi masa tu. Sebab gua rasa gua dah 80% lulus dan dengan mudah jawab soalan dia tu.Suddenly,sampai satu part. Alamak,sekali dia tanya soalan yang betul-betul gua tak study. Gua lansung tak hengat dan tak tahu apa lansung soalan yang dia tanya tu. Mampus. Gua tergagap. Dah mai dah..mampus. Ni la saat-saat yang gua tak nak ni! Otak blank la bro!.Dan dengan tak semena-semena tangan gua naik atas kepala dan tergaru-garu. Lepas tu dia ulang soalan tadi. Alamak. Dia tanya kenapa asyik Err..err.. je dari tadi. Gua tergamam seketika. Dia sound. "Tangan you jangan asyik meng-garu kepala je,I tanye ni.." Hambek ko!Lepas otak gua blank.

Gua pun dah takde talian hayat nak guna. Lu orang tau tak gua jawab apa? Gua jawab "Err..Actually, I'm not really sure about that. Umm..Err..I don't know. .because..bla..bla...." Umm. Dengan serentak,muka dia berubah. Sangkaan gua yang dia tak garang,meleset. Dia start pandang dan jeling tepat kearah dua bijik mata gua. Dia tanya buat kali ketiga.Lepas tu ..lepas tu,(apa lagi,gua kena basuh laa..) hihi. Rupanya dia ni dulu bekas lecturer. Dan dia tahu la perangai student yang failed masa interview. Dan dia jugak dah biasa ngan student yang takde disiplin masa buat praktikal. Fuhh! Terasa gua.(tapi gua tak macam tu le beb!)...Lepas tu,dia ok balik.

Dia tunjuk tempat gua. Lepas tu,dia bagi PC kat meja gua tu. Lega! Kenapa lah masuk interview yang ketiga ni gua failed pulak. Gua rasa gua tak prepare la. Gua nak pesan kat lu orang seme. Kalau nak pergi interview,study la betul-betul. Macam korang nak ambik exam. Macam korang nak ambik lessen kete. Hafal la apa yang patut! Dan ingat,bila otak blank,jawab la sebaik mungkin. Cuba berperang psikologi dengan penemuduga kita tu. Kalau tak,mintak je soalan objektif. dan kalau tak yakin dapat kerja tu,apa kata korang pulak yang soal manager tu. kalau dia marah,korang cakap je ni company korang punye. dan korang bagtau dia,dia takde hak nak marah korang!

haha..okeh-okeh,jangan ikut cara-cara diatas ni. Ini lagi membuatkan korang failed!silap-silap terus tak dapat kerja. Tengok mukasurat seterusnya,kot-kot ada tips-tips yang lebih bagus. :) adios!

Tips-tips ketika menghadiri temuduga kerja

Sini gua nak kasi tips sikit. Since gua dah failed interview itu hari,apa salahnye korang ikut tips-tips gua bagi ni dan sama-sama failed macam gua. Hihi..Enjoi!

Tips-tips ketika ditemuduga :
•Jangan memotong perbincangan penemuduga sebelum mereka menghabiskan percakapan. Sebaliknya berfikir buat seketika tapi jangan terlalu lama sangat. Ini menunjukkan perwatakan berhati-hati dalam menyelesaikan sesuatu isu.

•Jangan menjawab soalan sebelum penemuduga menghabiskan soalannya. Ini akan mempamirkan satu sikap yang kurang dalam perwatakan kita.

•Jangan menjawab soalan terlalu ringkas seperti ya atau tidak tanpa menerangkan dengan jelas dan terperinci. Jawapan ya atau tidak menunjukkan kurang pengetahuan dan berbohong.

•Jangan tanya soalan yang sama keatas penemuduga. Kita adalah penjawab soalan tersebut bukan penemuduga.

•Jangan berbohong, jika kita tidak tahu jawapannya, cakap tidak tahu dan minta pertolongan beliau atau minta buku rujukan. Mereka juga mahu lihat kita boleh bekerjasama untuk menyelesaikan sesuatu isu.

•Jangan berdebat, tidak bersetuju atau mengatakan penemuduga adalah salah. Kadang-kadang mereka sengaja memberi maklumat yang salah untuk melihat bagaimana kita boleh mengawalnya. Jawapan yang mungkin dapat diberi ialah "Saya akan cuba cara awak terlebih dahulu. Jika ada masalah berlaku, Saya mungkin akan melakukan sedikit perubahan".

•Kembangkan jawapan sebanyak yang mungkin. Tunjukkan pengetahuan mengenai subjek atau topic yang dibincangkan.

•Tanya soalan yang berkaitan yang ditanya oleh penemuduga. Sebagai contoh, jika penemuduga bertanya mengenai pengetahuan kita dalam FreeBSD, kita boleh bertindak balas dengan soalan tersebut dengan menanyakan FreeBSD versi berapa yang digunakan. Ini menunjukkan kita amat minat dengan OS tersebut.

• Tunggu penemuduga bertanya " awak ada apa-apa soalan?", di pengakhiran sesi temuduga, jika mereka tidak bertanya " awak ada apa-apa soalan?" kita harus menghormatinya dan memohon untuk bertanya beberapa soalan kepada mereka. Soalan-soalan tersebut seperti :-

-Berapa banyak system yang perlu saya jaga?
-Berapa banyak latihan yang akan diberikan? Atau sekadar kemahiran yang saya ada untuk menyenggara system yang sedia ada?
-Dimana saya ditempatkan: pejabat atau bilik server. Kadang-kadang pentadbir ditempakan didalam bilik server yang mana suhunya sejuk.
-Dimana parking? Adakah berbayar? Bolehkah saya claim?
-Apakah faedah-faedah pekerjaan?
-Adakah jawatan ini menggantikan kakitangan yang lama atau ini adalah jawatan baru? Jika menggantikan yang lama, ini mungkin ada sebab-sebab politik pejabat yang tersembunyi.
-Berapa orangkah yang bertugas di jabatan ini? Dan susulan soalan, Berapa orangkah yang meninggalkan jabatan ini 12 bulan terakhir? Ini sebagai gambaran kita mengenai situasi pekerjaan di tempat tersebut.
-Berapa gaji yang dibayar untuk jawatan ini? Ada OT?
-Bolehkah saya tengok bilik computer? Atau Dimanakah bilik computer?
-Minta bisnes kad atau alamat email setiap penemuduga.

• Selepas meninggalkan bilik temuduga, perkara utama yang perlu dilakukan ialah mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang temuduga.

• Hantar e-mail kepada setiap orang yang menemuduga kita untuk mengucapkan terima kasih (maintain contact).

• Selepas beberapa hari, telifon balik untuk menanyakan status.

galeri gambar



"rumah besar,tapi kosong"mohd asyraf

Dah masuk 7 bulan aku menyewa kat sini,dan selama itu,dah bermacam-macam orang yang datang lepak bilik aku dan tak kurang pula yang tumpang tidur dan yang datang jenguk aku masa aku sakit pun ada.Dan selama itu jugak la aku berjaya mengumpul komen dan kritikan yang boleh aku anggapkan sebagai membina seperti contoh diatas.

Untuk pengetahuan korang,guide yang paling senang untuk sampai ke rumah aku ialah,rumah yang paling buruk dan paling banyak daun kat depat pintu pagar rumah.Itu lah rumah aku.memang dah tak jumpe lagi dah rumah yang paling buruk kat kawasan aku duduk ni."Buruk"dalam erti kata lain ialah rumah aku ni sudah dimamah kulat.Tak macam rumah-rumah lain. Semuanya pakai cat Nippon Weatherpaint.So aku tak terkejut la kalau ada yang komen atau "kutuk" rumah aku ni.hehe. Aku ngan nizang memang ada pasang niat nak lawa kan rumah ni.tapi dah tunggu-tunggu duit dari langit tak jatuh2.So aku terpaksa lah tangguhkan dulu misi aku.

rumah dan kenangan i

7 bulan aku menyewa kat sini dah macam 7 tahun pulak aku rase. Banyak kenangan manis dan pahit yang aku lalui disini. Jauh bezanya aku tinggal menyewa dengan kawan-kawan kat kolej aku. Kat sini,idea dan filosofi hc/punk dan d.i.y berkembang kedalam otak permikiran aku. Banyak benda yang aku lalui dan pelajari disini yang mematangkan aku. Yang paling penting sekali,aku berjaya mengukuhkan lagi serta meningkatkan lagi semangat serta pengaruh dan nilai-nilai sejati seoarang hc/punk yang berjaya(ye ke?). Senang cite,kat sini dah macam jadi sumber informasi dan maklumat untuk kepelbagain ilmu.

Rumah dan kenangan ii

Ni pulak aku nak cite pasal kawan lama aku dari zaman aku budak-budak lagi. Senang cite kawan sekolah la. Dah lama aku lost contact. Tetibe jumpe kat KL ni. Tahu pulak deorg ni duduk dekat ngan rumah sewa aku ni. Dah tu,ape lagi..melekat la aku ngan die. Bukan melekat bende lain ok. Korang jangan pulak pikir bende lain Maksud aku melekat tu kire terus jadi geng balik la. Ye la,dulu dah kire kamcing giler dah. So bile dah jumpe kt KL ni ape lagi. Naik tanduk la kiteorg..hehehe. memang apa yang aku nak cite ni tak lari dari topic rumah aku. Makhluk 2 org tadi tu(zarif dan asyraf) sebenarnya dieorg tak buat apa2.maksud aku.tak blaja dan tak kerja. Setakat menghabis kan beras mak bapak dieorang je.so rutin harian dieorang,kalau mak bapak dieorang izinkan dieorang kuar(biase nyer takyah mintak izin)..mane lagi port dieorang. Mestilah rumah aku. First datang,elok jugak bg salam. Kali kedua datang aku tertido,tapi yang peliknya,dieorang bukak pintu aku pakai kad. Celake punye kawan..tapi tak kesah la..asalkan tak rosak pintu aku dah.. Selama beberapa bulan,menjelang waktu petang jer.. dieorang akan sampai..deorang la penyeri waktu lepak aku. kalau bosan lepak2 kat umah. Kedai mamak la jadi sasaran melepak. Kalau takde duit nak minum,lepak kat bilik sambil layan myspace dan friendster sambil usha awek-awek yang lawa..ekekeke..tapi tu dulu,sekarang dieorang dah jarang datang umah aku. Maybe dieorang dah sibuk. Takpun dah kene perintah berkurung ngan family masing-masing. Tapi aku still lagi kontek ngan dieorang. Apa-apa pun,aku rindu saat-saat lepak bersama kalian. Uwaaaa |

Rutin harian = memasak

Perkara wajib yang aku lakukan ngan Nizang,iaitu memasak!hehe..sape kate memasak tu tak punkrock. Aku rase hidup bujang ni banyak dugaan dan cabaran yang perlu kita hadapi. Duduk jauh dengan family. Makan minum pun kita nak kene uruskan sendiri. Kita kene survive hidup dizaman sekarang. Walaupun kadang-kadang masalah kewangan datang menghimpit. Aku dah hampir 3 tahun hidup membujang. Merantau jauh dari family. Dan sebagai seorang student,aku terpaksa mengawal segala bentuk perbelanjaan. Dan solusi nya,aku ajak Nizang untuk memasak. Sekali makan kat restoren aku kene kuarkan hampir RM 10. kalau RM 10 tu aku buat beli barang dapur dan ditambah lagi RM10 oleh Nizang, bermakna aku dah dapat beli barang keperluan dapur untuk selama beberapa hari. Jadi rutin harian aku,masak mengikut barang dapur yang kiteorang beli tu. Jimatkan? DIY tak? .:)

Penutup

Rumah no 49 ni banyak mengajar aku erti hidup. Kesimpulan yang aku buat. Rumah ni adalah "D.I.Y infoshop atau rumah singgahan nervous". Ramai kawan-kawan punk yang datang. Best!



Dan Kamu Bisa Membawa Hatiku Pergi..

Dhani [papakerma records] - www.bilik.blogspot.com

1.Hai, assalamuaialikum. Sebelum kita pergi jauh, boleh ceritakan sedikit tentang diri anda? Latar belakang anda, hobi di waktu lapang, cita-cita, ciri-ciri wanita idaman etc.
Hai. Waalaikumussalam. Nama saya Dhani Ahmad. Seorang lelaki yang mempunyai ketinggian 170 cm dengan berat badan 60 kg. Seorang pemimpi (idealis) yang realis. Sering memimpikan perkara-perkara besar dan cuba dipraktikkan dalam kelompok yang dihuni. Menjadikan Indonesia sebagai kiblat utama dalam mencipta mimpi-mimpi indah. Penggemar musik indie pop. Pembaca dan pengumpul buku politik dan islamik/sufism. Sering jatuh cinta pandang pertama setiap kali melihat wanita cantik. Dan saya masih solo. ?

2.Secara jujurya, saya mengenali kamu melalui blog yang kamu tulis. Saya agak tertarik dengan gaya penulisan kamu pada ketika itu. Radikal, puitis, politis dan kritis. Sudah berapa lama anda ber'blogger' dan menulis blog anda sendiri di internet? Apakah yang mempengaruhi anda untuk menulis blog? Adakah ia sekadar hobi, atau kerana anda inginkan perhatian ?
Blog pertama saya dicipta pada tahun 2002. namun saya mula menulis blog secara berterusan bermula tahun 2004. Sehinggalah sekarang. Sebetulnya blog saya ini tercipta setelah saya menghasilkan sebuah newsletter yang bernama Bilik Kecil Itu. Dan sebagai alternatifnya, saya menggunakan blog sebagai medium kedua untuk menyebarkan tulisan di newsletter itu kepada pembaca dalam skop yang lebih luas memandangkan budaya blog semakin digemari ramai. Bilik Kecil Itu hanya berjaya dikeluarkan secara bercetak sehingga isu ke 4. sehinggalah saya memutuskan untuk tidak meneruskan newsletter ini. apapun, kerana saya sudah mencipta ruang menulis di blog, maka saya teruskan penulisan saya di blog. Nama blog saya iaitu bilik.blogspot.com di ambil sempena nama newsletter Bilik Kecil Itu. Jika dulu tujuan blog saya adalah untuk memaparkan tulisan-tulisan yang ada di newsletter Bilik Kecil Itu. Tapi sekarang tujuannya berubah. Tulisan di blog saya sekarang lebih menjurus kepada perihal peribadi. Yah, berkongsi hidup dengan teman-teman.

3.Bermula dengan menulis zine Sebutir Bintang Merah, kini anda menghasilkan blook yang diberi nama Goblog. Tidakkah anda terpanggil untuk menulis zine lagi dan ceritakan serba sedikit tentang Goblog?
Goblog merupakan buku pertama yang dihasilkan secara d.i.y . Dijayakan secara kolektif oleh 13 orang anak muda penggiat gerakan d.i.y punk scene di Malaysia. Bermula daripada tiada seterusnya mencipta kemungkinan dan berakhir dengan kewujudan baru. Goblog adalah mimpi terbaru yang saya realisasikan. Tentang zine pula, saya tidak pernah punyai niat untuk berhenti menghasilkan zine. Cumanya, buat masa sekarang, saya tidak punya kesempatan [baca: malas.:)] untuk menghasilkannya. Apa pun, saya sedang berusaha ke arah tersebut. Semoga di tahun 2007 akan ada rilisan isu baru dari Sebutir Bintang Merah. ?

4.Kenapa anda konfiden untuk menerbitkan buku sedangkan kita tahu orang melayu kita ni malas membaca sampai kerajaan terpaksa membuat kempen untuk membaca.
Saya sering optimis dengan apa yang saya lakukan. Mencipta kemungkinan pada ruang ketidak-mungkinan punya risiko gagal yang besar. Tapi, yang lebih penting adalah mencipta kemungkinan kejayaan daripada menyerah kalah sebelum mencipta. Kita di sini adalah atas paksi revolusi. Dan tidak harus punya rasa takut dalam mengejar revolusi. Apapun, saya bukanlah Munir yang tidak punya rasa takut dalam mencipta perubahan. Rasa takut masih menebal di fikiran saya. Namun, yang lebih penting adalah cuba untuk mengatasi ketakutan dan mencipta kehidupan yang mencabar. Mengenai orang melayu malas membaca tidak menjadi masalah kepada saya. Kajian telah dibuat sebelum buku dihasilkan. Dan target pembaca yang perlu saya capai juga sudah dikesan. Yang tinggal cumalah, menghasilkan dan mengedarkan buku tersebut.

5.Apa pandangan anda tentang kehidupan manusia di zaman sekarang. Adakah anda melihat satu sudut yang positif jika manusia secara totalnya bergantung kepada kecanggihan teknologi untuk segala urusan kehidupan? Pandangan anda tentang

kepentingan internet di dalam kehidupan kita?
Banyak produk teknologi canggih, pada saya, masih lagi sebagai barang kehendak. Bukan barang keperluan. Berarti, tanpa teknologi canggih saya tetap boleh meneruskan hidup. Begitu juga dengan internet. Hidup masih berjalan tanpa internet.

6.Anda salah seorang editor yang menulis untuk kolum surat khabar mahasiswa. Sebagai bekas pelajar, adakah anda rasa dengan "involve" ke dalam scene HC/PUNK ketika masih belajar adalah penting? Dan adakah mesej yang cuba anda mahu sampaikan dalam penulisan anda itu berjaya?
Melibatkan diri dalam scene punk tidak terlalu penting. Tapi yang lebih penting ialah melibatkan diri dalam dunia aktivisme. Dan punk adalah salah satu komponen yang terkandung dalam aktivisme. Tidak perlu ada tempoh masa yang khusus bila waktunya harus melibatkan diri dalam dunia aktivisme. Yang penting, bersama-sama mencipta masyarakat aktivis. Mengenai dunia penulisan saya pula, saya berjaya mencapai tujuan saya. Menyebarkan mesej kepada umum melalui medium yang lebih besar skala pembacanya adalah perlu. Meraih kesempatan-kesempatan yang ada adalah perlu dalam menyebarkan mesej. Tidak kira sama ada kesempatan yang wujud dari sudut mana sekalipun. Ada yang mengatakan hidup juga adalah tentang perlumbaan mengeksploitasi. Jadi, kita harus cepat mengeksploitasi agar tidak dieksploitasi. Apa pun, mengeksploitasilah dengan bijak dan jangan sampai ada berlaku penindasan kemanusiaan.



7.Kita digemparkan dengan berita penempatan Kampung Berembang yang dirobohkan oleh pihak Majlis Perbandaran Ampang. Dan ada diantara penduduk kampung itu yang tinggal dikawasan itu lebih dari 30 tahun. Apa pandangan anda tentang hal ini? Adakah anda setuju jika saya katakan kita akan ditindas dan dicabuli hak demi kepentingan kepada pembangunan Negara?
Terus terang aja saya tidak tahu secara detail tentang isu Kg. Berembang. Apa pun, seharusnya kerajaan Malaysia tidak terlalu kejam menghalau penduduk kampung tersebut secara paksa. Kebajikan masyarakat harus diambil kira dalam mengambil apa jua tindakan sekalipun. Ternyata Hadharism ciptaan Pak Lah gagal mencipta kebaikan. Dan penindasan tetap bermaharajelela. Sama juga keadaanya dengan era rejim Mahathir. Kerajaan Mahathir dan Kerajaan Pak Lah tidak punya perbedaan. Kekejaman kerajaan tetap bermaharajalela.

8.Adakah anda straight edge? Apakah perasaan anda, jika anda seorang straight edge tetapi tidak bagi teman wanita anda? Patutkah anda tinggalkan teman wanita anda semata-mata kerana dia tidak straight edge seperti anda?
Saya tidak punya masalah dengan apa-apa status. Dia bebas untuk menjadi straight edge atau tidak. Yang penting, dia memahami saya memahami dia. Yang penting juga, dia cantik dan seksi di mata saya.hehehe. ?. Saya bukan straight edge.

9.Malaysia sebuah Negara demokrasi. Demokrasi kuku besi. Bagi anda, sebagai seorang rakyat, adakah revolusi keatas Negara akan berjaya dicetuskan sedangkan kita sedar bahawa suara rakyat adalah suara yang lemah dan suara minoriti. Apakah yang patut kita lakukan sekiranya kita benar-benar ingin mencetuskan revolusi?
Revolusi bukan perkara mustahil untuk berlaku. Perkara yang perlu kita lakukan untuk sebuah revolusi adalah melakukan tindakan kearah tersebut secara istiqamah. Melakukan secara konsistan.

10.Apa pendapat anda tentang pemerintahan kerajaan Malaysia sekarang?
Kerajaan Malaysia pimpinan Pak Lah sekarang sangat lemah jika dibandingkan dengan kerajaan pimpinan Mahathir.

11.Isu 'homophobic' seperti gay dan lesbian hangat diperkatakan dalam scene satu tika dulu. sehingga kini ia masih releven untuk dibahas kerana masih ramai antara kita yang menganggap golongan gay dan memberitahu dia tak kenal pun mamat name tu dan memang dah beberapa kali ditelefon untuk mencari mamat name tu.

Atas darat tong, kene tipulah mak aku dengan aku-aku sekali. Cuba bayangkan kalau mak aku pilih nak beli TV dan bayar RM1000. Mapuh.

Mungkin apa yang aku coretkan ni merupakan suatu cerita yang memalukan untuk dikongsi dengan orang lain. Tapi aku rasa ada baiknya aku kongsi dengan orang lain. Mana tahu mamat2 dan minah2 yang jenis macam ni akan datang kat rumah korang pulak suatu hari nanti.

ADA APA DENGAN ANGKA 49?

Prolog

Ramai yang musykil dan tertanya-tanya pasal nombor 49 ni.Hehehe..Ok, Untuk menjawab segala kemusykilan korang,aku akan cite sikit pasal no 49 ni. Sebenarnya nombor 49 sebenarnya no rumah sewa aku. Sudah tertulis alamat rumah sewa ni ialah no 49 jalan rahim kajai,taman tun dr.ismail. Kalau korang nak tahu,asalnya rumah ni rumah famili member aku(nizang). Dieorang menetap sini dulu,then bile famili die pindah Terengganu,jadi la rumah ni rumah sewa. Nizang pun ada duduk sekali kat rumah ni. Aku bukanyer nak citer pasal nizang tapi nak citer pasal no 49 ni dan pasal rumah aku. Sebetul-betulnya aku bukan menyewa rumah ni. Tetapi aku menyewa sebuah bilik didalam rumah ni. Tu pun sebab terdesak sebab aku terpaksa pindah itu hari. Harga sewa bilik aku ialah RM 180 untuk bilik yang ngam-ngam muat tilam,meja,sebijik almari. nasib baik kipas yang tergantung dalam bilik ni masih boleh pakai. Bilik yang aku sewa ni pulak jauh tersudut ke belakang.betul-betul mengadap dapur.untuk pengetahuan korang,bilik ni jugak betul-betul bersebelahan dengan tempat membasuh pakaian. Masa aku masuk rumah ni aku tengok dah terpacak mesin basuh "oldschool" kat satu sudut sebelah bilik aku.Bak kata member aku. Bilik orang gaji.Tapi apa nak buat. Time tu aku memang "desperate" sangat nak cari rumah/bilik untuk aku menyewa. Last2 dapat bilik sewa kat rumah nizang ni. Kire ok la..daripada aku merempat. Berbalik kepada bab mesin basuh tadi. Untuk pengetahuan korang,setiap waktu pagi dihujung minggu(sabtu dan ahad)bebudak yang sewa bilik kat tingkat atas ni akan turun guna mesin basuh "oldschool" untuk aktiviti membasuh pakaian. Tapi tak kira hari minggu je,kadang-kadang hari biasa pun dieorang basuh baju. Aku bukan apa,dah mesin basuh tu dekat ngan bilik aku. Bile time dieorang basuh pakaian kena dengan timing aku tidur,habis la aku. Apa tidaknya ketika itu jugak secara otomotiknya aku menjadi tak tentu arah. Bunyi mesin basuh yang berfungsi itu secara "totalnya" telah mengganggu keenakan tidur aku.Dan tak pasal-pasal aktiviti kesukaan aku(tidur sampai lebam)terganggu. Ye la,takkan nak komplen dan marah pulak. Bukan mesin basuh aku. dan aku pun guna mesin basuh tu. Pang!

Note : kalau korang nak cari bilik sewa.cari la bilik master bedroom.kalau tak mampu pun bilik yang kecik sikit dari master bedroom tu. Untuk panduan korang,jangan sesekali ambik bilik yang kat bawah dan dekat dengan dapur.sebab ianya akan membuatkan hidup korang tak aman dan selesa.lagi-lagi kalau nak tidur.hehehe..

Bab satu : kritikan membina

Berikut adalah kritikan/pandangan dari kawan-kawan aku yang pernah lepak/singgah dan buat semak kat umah aku :

"kojie,ni rumah ke perumahan"najib

"rumah ko mcm port mat gian je?"-dutt

"aku ingat luar je yang buruk,tapi masuk dalam lagi buruk?"-mantoya

"rumah besar,tapi kosong"mohd asyraf



OTAK CERDIK DIGUNAKAN UNTUK PUTAR BELIT DAN TIPU DUIT ORANG.

Baru-baru ni kecoh di surat khabar dan di berita TV mengenai sindiket menipu duit orang dengan cara memberi kepada siapa saja (aku pernah kena, adik aku pun pernah kena) satu kad kecil dan digores. Yeah! Gores dan menang. Ko akan dihampiri oleh diorang-diorang ni, diorang goreskan kad utk kita dan diorang akan cakap yang ko yang ko dah menang besar, menang sebijik kereta! Bukan kereta buruk, kereta baru! Ko hanya perlu bayar sedikit duit dalam RM1000-Rm5000 dan kereta tu akan dihantar direct ke rumah kau dalam masa 2-3 hari.

Yah, masa aku kena tu, bende ni tak kecoh lagi kat surat khabar atau berita TV mahupun rancangan 999. Jadi aku hampir percaya dengan bende ni. Ye lah, bayar RM1500, dapat kereta beb!! Orang muda macam aku ni mana boleh tahan dengar bende macam tu. Bila dia datang rumah aku dan tolong goreskan untuk aku dan terkinja2 (berlakon dengan berkesan) cakap aku dah menang besar. Aku macam blur giler, tah betul tah tak die ni.

Nasib baik Rizie datang dan cepat-cepat cakap "Kitorang student lagi, takde duit. Tak mau" dan terus tutup pintu.

Baru harini aku tahu, yang adik lelaki aku pun pernah kena bende sama. Bayar RM5000, kereta akan dihantar dalam masa 2-3 hari. Dan, dari apa aku tengok kat TV memang ramai gila babeng yang menjadi mangsa sindiket macam ni.

Lepas media bongkar, aku rasa baru ramai yang tahu dan tak caya ngan bende2 ni. Atau aku sorang je yang bodoh?? Ntah...

Pada satu pagi sedang aku tengok-tengok mak aku masak apa kat dapur datang seorang mamat mana ntah.

"ni 911-A ye? mak ade?"

Mak aku pun datang dan cakap kat aku, jangan bukak pintu...bahaya! Selepas menyarungkan tudung di kepala, mak aku pun pergi ke pintu.

"ha...kak saya ni dari syarikat yang kak beli fliter air haritu. Saya nak tengok filter tu boleh?"

Lepas mak aku cakap yang filter tu dah berzaman dia buang sebab pakai brand lain pulak. Dia beritahu yang mak aku antara 300 orang yang terpilih untuk menerima hadiah berupa sebuah filter air baru yang die ade bawak bersame die. Tapi boleh pilih, samada nak filter air atau nak wang tunai RM1000.

Mak aku duk asik cakap, "tipu ke betul ni??" dan dia meyakinkan mak aku dengan memberi bisnes card, dan menunjuk ic. Kalau tak caye, call la company saya tu. buat apa saya nak tipu.

Mak aku pun mungkin lupe dia beli filter air dari sape, ye lah dah berumur jadi ikutkan saja. Pilih nak cash. Tapi ada syarat pulak. Kena sambung keahlian dengan membeli apa-apa barang dari syarikat dia. Dia cakap dia dari OGAWA, tapi barang-barang yang die offer bukan mcm dari OGAWA pun. Barang paling murah ialah periuk nasik NATIONAL 2 gantang berharga RM450. Barang lain mcm aircond, RM700. TV 29 " RM1000.

Lepas pikir panjang, mak aku sangguplah nak beli periuk nasik 2 gantang tadi yang boleh pakai gas dan elektrik. Maka bayarlah mak aku kat dia RM245. Mak aku masih tak yakin dengan kesahihan die ni. Dia yakinkah lagi dengan mengeluarkan kad pengenalan dan tunjuk kat mak aku. "tak caya, kak call lah". Dengan susun tutur sopan dan disusun dengan penuh strategi, berjayalah dia (menipu orang).

Dia tinggalkanlah filter yang dibawak tadi kat mak aku dan berpesan, jangan bukak. Nanti 2-3 hari orang dia akan datang amik dan bagi wang tunai RM1000.
Selang 4-5 hari mak aku pun calllah nombor pada kad tu dan orang dihujung talian

lesbian tidak berhak diberi ruang dan utk hidup dengan cara mereka. Apa pendapat anda pula?
Kita diciptakan secara berbeza untuk saling menghormati dan memahami satu dengan lain. Bukan untuk membenci.

12.Adakah penulis blog yang menulis kisah hidup mereka didalam blog ini menulis secara jujur? Atau ada diantara mereka yang mereka-reka cerita untuk menarik perhatian orang lain untuk membaca blog mereka. Apa pendapat anda?
Terserah kepada penulis itu samada mahu menulis kisah benar mahupun fiksyen. Yang lebih penting adalah mesej yang ingin disampaikan. Kadang-kadang, saya juga mencipta tulisan dongeng. tulisan bukan kisah sebenar.hehe. ?

13.Apakah ciri-ciri positif d.i.y HC/PUNK yang ada pada diri kamu? Cuba senaraikan.
Baik. Jujur. Amanah. Menepati janji. Bertoleransi. Menepati masa. Tidak prejudis. Tolong menolong. Indipenden. Mengamalkan kesamarataan. Ramah mesra. Dan sebagainya yang baik-baik belaka.hehe. ?

14.Apa komen anda tentang zine scene di negara kita yg semakin merundum berbanding negara jiran, indonesia yg masih gah. adakah anda rasa kita menuju keadaan seperti di jepun di mana tiada langsung zine dihasilkan?
Sejak tahun 2004 sehingga sekarang, kekurangan zine dalam komuniti punk dapat dirasakan. Tidak banyak editor yang rajin untuk terus menghasilkan zine mereka. Begitu juga saya.hehe. ?. Alasan kepada perkara ini bagi saya adalah disebabkan perkembangan kemudahan dunia internet. Malasah ini bukan cuma dihadapi oleh kita di sini. keadaan yang sama juga berlaku di tempat lain. Apapun, sejak akhir-akhir ini, saya melihat senario menghasilkan zine kembali berputik. Bukan di komuniti punk, tapi di komuniti penulis dunia maya yang mula mengabadikan tulisan mereka di kertas-kertas. Dan zine adalah pilihan mereka. Malah saya juga ada terjumpa salah satu penerbit buku yang menghasilkan buku-buku dalam format zine. Dengan ini, "dengan ucapan bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan pelancaran kempen membudayakan amalan menerbit dan membaca buku berkos rendah." ?

15.Apa pengertian cinta bagi anda? Adakah ianya hanya lah salah satu untuk melengkapkan kepuasan seks? Atau anda ada hujah yang lain?
Pengertian cinta pada saya banyak. Salah satunya ialah, disaat saya melihat gadis cantik dan saya berasa ingin hidup bersamanya, maka disitu saya merasakan ada cinta pada gadis tersebut. Ya, saya jatuh cinta terhadap gadis tersebut dan saya ingin menikmati cinta bersamanya.hehe.?. Cinta dan seks itu dua perkara berbeza. Namun, seks sering terjadi apabila cinta bersemi. Apa pun, yang lebih penting ialah melakukan hubungan seks atas kerelaan bersama. Dengan ikhlas. Huhu. ?



16.Bagaimana anda melihat scene di Malaysia pada 10 tahun akan datang?
Jika ada 10 orang yang mempunyai matlamat yang sama seperti saya, iaitu menyebarkan idealogi punk ini ke dunia mainstream secara terbuka [dakwah secara terbuka.?] mulai sekarang, saya yakin 10 tahun lagi masyarakat Malaysia akan melihat punk sebagai satu kumpulan orang muda yang memperjuangan aktvisme yang melakukan kerja-kerja kebajikan untuk kebaikan bersama.

17.Semua orang tahu bahawa Saddam Hussein telah ditangkap oleh Amerika Syarikat. Kita tahu, pemerintahan Saddam Hussein adalah pemerintahan kuku besi walhal dia adalah seorang yang beragama islam. Selepas penangkapan beliau, semua pengikut beliau hanya berdiam diri. Seolah – olah sudah tidak mahu menyokong beliau. Dan patut kah kita menyokong beliau hanya kerana beliau islam ataupun sebaliknya. Tetapi US berlipat kali ganda lagi kejam dari binatang. Apa pandangan rasional anda tentang isu ini?
Kita tidak harus menyokong sesiapa pun yang melakukan penindasan.

18.Senaraikan :

5 buku kegemaran anda
-Soft Revolution
-Kisah Sheikh Siti Jenar
-Soe Hok Gie : Catatan Seorang Demonstran
-Munir : Sebuah Kitab Melawan Lupa

-Munir : Sebuah Kitab Melawan Lupa
-Ahmad Wahib : Pergolakan Pemikiran Islam

5 band kegemaran anda
-Dewa.
-Padi.
-Tegan & Sara.
-The Upstairs.
-Homicide.

5 ciri-ciri wanita idaman anda
Kalau dari sudut yang boleh dilihat mahupun disentuh, saya mahukan wanita yang
-Chubby
-Educated
-Seksi
-Aktivis
-Murah senyuman. ?

5 sifat negative pada diri anda
-Rahsia beb. Mana bleh bagitau.hehehe. ?

5 blog yang menjadi feveret anda
-Saya tidak mempunyai blog feveret. Saya akan melawat ke setiap blog kawan-kawan jika punya kesempatan.

5 sebab mengapa anda kata anda ramai peminat
-Eh, bila masa pulak saya kata saya ramai peminat? ?. Saya tak punya peminat. Yang saya ada ialah kawan-kawan.

19.Boleh tak berkongsi sedikit tips tentang mahu meghasilkan sebuah buku. Dari segi pubishing, kos dan gaya penulisan itu?
Menerbitkan buku bukan satu kerja mudah. Eh agak mudah sebenarnya. Maksud saya, banyak fasa yang harus ditempuh. Dan fasa yang paling mencabar ialah dalam mencari dana untuk menampung kos perbelanjaannya. Maklum aja lah, saya ni bukannya golongan orang yang berduit.hehe. Dan menerbitkan buku bukanlah sesuatu yang murah. Apa pun, untuk proses-proses detail mengenai penghasilan buku, sila baca tulisan saya yang bertajuk: Cara Menerbitkan Buku Secara DIY pada zine ini.

20.Last word dari anda untuk awek-awek yang membaca zine ini.:)
Untuk awek-awek jek? ?. Baiklah. Untuk pengetahuan awek-awek di luar sana, saya masih belum mempunyai kekasih hati. Tapi saya tahu si dia yang cantik yang akan berkongsi hidup dengan saya ada di luar sana. Mungkin juga dia sedang membaca tulisan ini. Jadi, kepada si dia yang akan bergabung sayap dengan saya untuk terbang merentas langit luas bersama-sama, saya setia menanti kamu mengetuk pintu hati ini. Jika kamu telah bersedia untuk melayari kehidupan bersama saya, sila sms kata cinta ke nombor ini: 019 2508857. hehehe.?.

PAPAN KENYATAAN



-retard zine, sebuah art zine sedang mencari mereka2 diluar sana untuk menghantar artwork, sketches, poems, lukisan dan apa saja berkaitan art. sila kontek
nizangmosh@hotmail.com

-setelah berhempas pulas, tok mung kolektif berjaya mengeluarkan kompilasi Bollok Wok vol. 3, kesinambungan dari episod lalu. utk kali ni, 14 band turut serta dengan pelbagai jenisan music. dari indie hingga ke metal. kontek alamat zine ni.

-dengar cerita bewok distro dan dockrock recs akan bergabung menjadi satu label dengan nama baru, community coalition records. diharap dengan ini mereka akan terus gah dengan rilisan-rilisan yang lebih hangat dan bermutu



poster minggu ini : marjinal

dengan screw driver pun boleh. Tak risau pun kalau tak rantaikan motor tu. sebab tak ada orang yang nak rembat. Mat rempit sekarang pun dah tak pandang Honda petak.

Sampai sekarang,aku masih lagi angkuh menunggang motorsikal. Ingat nak jugak beli kereta,tapi itu hari,duit tak cukup. Lagi RM50. kalau dulu Honda petak. Sekarang

F**K sungguh!

Hari ini. Nasib malang. Aku bangun pukul 7.50. Bersiap untuk pergi kerja. Selesai bersiap. Tiba-tiba aku rasa sesuatu telah "hilang". Yup! Kunci motor aku hilang. Bukan hilang. Tapi tak jumpa. Kalau tak jumpa tu,tak hilang lagi. Dia ada dimerata-rata. Cuma aku belum menemuinya. Sudah 8.05 pagi. Aku masih terkial-kial mencari. Sudah lewat untuk pergi kerja. Ah,pedulikan kunci yang hilang. Nasib ada kunci spare. Tapi kunci tu dia tak lurus. Belok sikit. Kat depan. Nak bukak motor,susah sikit. Tapi apakan daya. Sudah 8.30 pagi. Kunci tu kosong saja. Tidak ada sebarang perhiasan atau keychain. Aku nak guna buat sementara,sehingga aku menemui semula kunci asalnya.

Hari ini. Nasib malang lagi. Balik kerja,penat. Ingat nak layan internet sebelum tidur. Tapi dia buat hal. Server down pulak. Bukak Yahoo Mesennger tak boleh. Bila bukak internet explorer terpampang tulisan "the page cannot be displayed". Malang sungguh. Dalam hati, aku cakap "tuhan memang nak uji kesabaran aku".

Kesian aku hari ini. Bukak winamp. Bukak lampu bilik. Capai buku "ayah kita bos". Baca sikit. Terus terlelap. Tidur.

Hari ini. Malam. Pun nasib malang. Terjaga dari tidur. Kawan aku call. Lepas tu,tak boleh tidur lagi. Aku bangun. Bersiap untuk keluar makan. Nak cari BCB. Nak banking duit kawan aku. sampai dekat BCB area rumah aku. OUT OF SERVICE! Fuck sungguh! Aku dah janji kawan aku. Ini malam jugak. Nak tak nak. Terpaksa cari BCB tempat lain. Makin jauh aku pergi,makin tak nampak batang hidung bank tu. Aku rasa macam dah nak balik rumah. Tapi,kawan aku bersungguh-sungguh. Sms no akaun. Nak tak nak. Sekali lagi. Aku terpaksa mencari BCB hingga masuk ke KL. BCB jalan raja chulan. Sekali lagi terkeluar perkataan FUCK SUNGGUH!

Baca : tepat jam 3.20 pagi. semasa aku kemas bilik,seperti tidak percaya. Aku telah menemui semula kunci motor aku.dibawah timbunan zine-zine yang aku baca sebelum aku tidur semalam. Deng!

Dating

23 / 11 / 2006. Mapley tepi LRT Masjid Jamek. Dapat kenal-kenal dengan geng jurnal. Plan awal aku nak jumpa dengan Dhani. Tapi dia ajak lepak sekali dengan 'otai'geng jurnal. Aku lambat sampai. Sebab pergi ambik kawan aku dekat hentian putra. Sampai dekat pukul 7. Aku tengok,ramai. Semuanya tak kenal. Cuma Dhani je aku kenal. Aku salam. Aku bagitahu nama aku,tapi aku tak tahu nama diaorang. Aku duduk hujung sekali. Disudut meja. Diaorang asyik bersembang. Aweks-aweks pun ada. 3 orang. Baru je kejap aku duduk, Dhani tawarkan aku buku 'ayah kita bos' dengan buku 'jiwa kacau' (blook ni dah lama aku cari). Tak berfikir panjang. Terus aku angkat kedua-duanya sekali. Sembang-sembang lagi. Tapi bukan dengan diaorang. Dengan kawan aku yang baru sampai ke Kuala Lumpur. Nasib baik Kudin yang layan sembang lebat aku. nizang pulak mencelah sekali sekala.

Dhani perkenalkan aku, yang berbaju hijau adalah Sinaga yang menulis dalam buku 'ayah kita bos' bersama-sama dengan Tok Rimau. Mak ai,ini jam,lepak dengan otai. Bangga pun ada. Layan gelagat diaorang. Sambil aku,nizang dengan kudin tetap dengan acara sembang lebat kami. Aku mintak Sinaga sain dekat buku yang aku beli tu. buat kenangan. Sempat jugak, Sinaga tanya. Nak tulis nama apa dekat buku tu. Aku suruh Dhani yang bagitau. Kejap lagi, Mat Jan sampai. Ya. Aku kenal dengan Mat Jan sebab terserempak dia dengan Dhani. Dekat KLCC masa bulan puasa dulu. Duduk je Mat Jan.

Makin lebat diaorang sembang. (nota : sori la,aku tak tahu nama yang lagi ramai2 tu. sape suruh tak kasi tau nama haa?). Aku ambik pulak buku Jiwa Kacau. Suruh diaorang pulak sain. Sambil sain-sain,aku ambik gambar. Bukan senang beb. Lepak dengan otai blogger. First time dalam hidup. Aku difahamkan, Diaorang ada beli zine Mosh. Zine yang nizang bawak.

Dhani pulak,bagi zine,flyers, dan poster secara percuma kat semua orang. Sungguh baik hati. Lama jugak duduk situ. Si otai-otai dah balik. Tinggal kami yang tak otai ni je. Tak lama,nizang nak kena naik bas pergi Ipoh. Itu jam. Aku pun gerak. Tak larat duduk lama-lama. Letih. Nak cerita secara detail pun. Macam malas.

CARA MENERBITKAN BUKU SECARA D.I.Y



-oleh dhani

PRAKATA

Ok sebelum aku perturunkan ilmu nak buat buku ni kat korang, terlebih dahulu aku nak ucapkan terima kasih yang tertinggi buat Ruhayat X dari Neohikayat Press yang sanggup perturunkan ilmu jurusan buat buku ni kepada aku. Hampir keseluruhan "buah" yang ada kat bawah ni adalah "buah" yang aku belajar dari Ruhayat X. dan aku upgrade dengan skill yang aku belajar dengan orang lain jugak.hehe

Dan kini, aku perturun kan pulak jurus ni kat korang. Tapi ingat! Jangan simpan ilmu ni sorang-sorang jek. Share kat orang lain sama okeh.

Selain menuntut dengan Ruhayat X, aku juga menuntut ilmu dari Basri dan Hasmi. Selebihnya aku menuntut sendiri. Dan aku masih menuntut sekarang ni. Biar power yang aku ada bertambah power.hehe.Apa pun, ilmu yang aku kasi ni dah cukup untuk korang berjaya menghasilkan buku.

Baiklah. Semua dah sedia nak belajar kan? Kita mulakan kelas kita hari ni dengan bismillahirrahmanirrahim...

PRODUKSI

1. Kumpul materil.

2. Cari judul yang best. Di peringkat awal, ini penting untuk bagi kau titik fokus. Di peringkat akhir, judul yang kencang boleh tolong kau jual-jualan.

3. Cari editor yang boleh buat kerja. Tak disyorkan kau edit kerja sendiri. Sekurang-kurangnya, dapatkan proof reader atau sepasang mata kedua/ketiga.

PENERBITAN

4. Pergi ke pejabat Perpustakaan Negara Malaysia di Jalan Tun Razak bangungan TH Selborn (iaitu bertentangan dengan perpustakaan tersebut) untuk dapatkan ISBN (tiap-tiap buku yang terbit dalam dunia ni akan diberi nombor unik). Kau pergi ke kaunter petanyaan di ground floor, tinggalkan ic lepas tu naik lift tingkat lapan utk ambil borang. Isikan borang tu dan hantarkan (nak antar pakai fax pun boleh), sekejap saja dapat ISBN. Lepas tu mintak barcode dari dorang, atau generet sendiri guna software (software trial version banyak di internet).

5. Kalau kau suka, atau buku kau lambat lagi nak keluar (macam Goblog 2, ada ke? – *ahaks*), bolehlah kau mintak nombor ISBN tu banyak-banyak sementara kau kat pejabat tu. Nombor ISBN ni gunanya untuk memudahkan orang yang buat database search di mana-mana librari dalam dunia ni (dan jugak mungkin librari dunia lain -- mana kita tahu?) untuk buku kau tu. Penting kalau satu hari nanti kau akan jadi... err... femes macam Faisal Dhani. Eh silap. Maksud aku, Faisal Tehrani lah.

(i) Tak perlu kelulusan KDN untuk buku -- itu untuk majalah berkala. Jadi, terbitkanlah apa saja yang kau suka, asalkan bontot kau boleh tahan penangannya jika/bila kena lastik nanti, macam penulis skandal seks _____ (masukkan judul buku skandal favorit kau di sini).

(ii) Tak perlu bawak mock-up buku bersama masa kau nak mintak ISBN tu (tapi mock-up kena ada kalau nak nombor rujukan perpustakaan). Cukup dengan judul dan senarai penulis, juga nama & alamat penerbit dan pencetak. Maknanya, kau boleh daftarkan angin sepoi-sepoi bahasa kalau kau nak.

(iii) Kalau kau ambik ISBN dan buku kau tak keluar pun, mereka takkan telefon untuk tanya kenapa buku tak kuar atau tanya kabar ko sihat ke tak. Jangan risau ok. Jadi kalau kau sebenarnya kesunyian dan sekadar dahagakan interaksi manusia, ini bukan avenu yang sesuai untuk melepaskan kesepian kau. (Nota: kalau kau awek cute yang kesunyian, PM aku; aku janji takkan tidur selagi kita tak jumpa avenu yang betul

bawah "Nama Pencetak" kau tulis: "HP Desk-jet 510C". Cubalah. Kemudian kongsi dengan kita semua.

Tapi boleh juga. Kalau kau berani. Misal kata buku kau tu agak "hot" yang bakal mencetuskan kontoversi yang mungkin juga akan membawa kau menginap di Hotel ISA, dan pihak pencetak takut nak publish buku kau, Cuba kau deal dengan pihak pencetak elok-olok. Pernah ada kes pihak pencetak mencetak buku tersebut tanpa meletak nama mereka kerana tak nak bertanggung jawab dengan buku yang mereka cetak itu. Ya lah. Kau yang tulis, maka kau lah yang bertanggung jawab. Berani buat, berani tanggung. Tapi apa nak takut? Kalau kau diam, kau mati. Kau bising pun kau mati jugak. Lebih baik kau bising dan mati. Arrr maksud aku, lebih baik kau buat buku dan mati. *Nota tambahan:* Untuk Goblog, aku tak gi ambik ISBN pun. Sebab tu tak ada ISBN kat Goblog. ?. Aku nak cakap kat sini, tak salah pun kalo buku kau tak ada ISBN. Cumanya, kedai buku jarang nak ambik buku yang tak ada ISBN. Tapi tak tentu jugak. Kalau kau ayat power, tak ada ISBN pun diorang sanggup ambik jual buku kau. Percayalah. Sebab aku pernah buat. Llagi satu, kalau dah ambik ISBN tu, jangan lupa hantar 5 naskah buku kau kat Perpustakaan Negara. Untuk simpanan diorang.

DESAIN

6. Tiap-tiap benda dalam dunia ni, termasuk buku, ada rupa dan saiznya yang bertepatan. Saiz tu akan buat orang rasa, "Yeah, buku ni bikinannya sedang elok sangat" bila mereka pegang hasilan kau tu. Payah nak cerita secara terperinci, tapi bila benda tu 'kena' kau akan tahu secara nalurinya. Kerja kau ialah untuk mencari apa dia rupa dan saiz tu untuk buku kau. Seperti juga semua benda yang paling payah sekali nak buat dalam dunia ni, bunyinya senang sangat. Lagi satu yang sangat penting pada aku ialah, cover buku kau. Memang orang cakap "dont judge book by its cover". Tapi terima lah hakikat ramai manusia yang membeli sesuatu sebab cover dia.

PENCETAKAN

7. Makin banyak naskah kau cetak, makin rendah harga buku kau setiap satu jadinya (walaupun mungkin secara total kos kau akan bertambah).

8. Tak ada harga standard dikeluarkan oleh Persatuan Pencetak Malaysia (kalaupun persatuan tu wujud; aku rasa ya). Jadi kau kenalah rajin shop around untuk harga yang terbaik.

9. Imbangkan harga dengan kualiti yang diberikan. Nasihat aku, jangan nak kejar harga printing murah sangat. Biar mahal sikit janji puas hati. Aku nak cakap kat sini, kualiti printing tu penting.

10. Kos nak terbitkan satu-satu judul buku adalah tertakluk pada kuantiti, tebal muka surat, materil yang kau pakai, dan ssbagainya. Selalunya kilang pencetak akan cakap jumlah minimum yang diorang cetak ialah 1000 naskah. Tapi masih ada yang sanggup cetak minimum 500 naskah.

PEMASARAN

11. Memang senang amat nak terbitkan buku. Tapi tak heran kenapa tak ramai yang buat buku sendiri. Sebabnya orang tak tahu cara-cara nak buat. Atau mungkin orang nampak kerja buat/hasilkan buku ni projek grand giler. Dan kemungkinan yang paling besar ialah sebab tak ada duit. hehe. Tapi tak apa, duit boleh share ramai2.:). Kau ada buku sketsa atau diari atau biografi atuk yang kau nak famili extended kau semua baca? Terbitkanlah sendiri. Masalah cuma timbul bila kau nak cuba tolak buku kau ke pasaran am. Buku Goblog, misalnya, tak ada satu kedai buku pun nak ambik buku tergoblok ni. Eh, sebenarnya, aku tak tolak Goblog kat kedai pun.hehe. Tapi, itulah, risiko yang kau kena terima kalau kau nak jugak keluarkan buku-buku yang buat tangan-tangan suci terbakar bila tersentuh. Tapi jangan takut; banyak orang banyak ragam. Pasti ada orang yang sama taste dgn kau, yang akan suka buku yang kau keluarkan nanti. Percayalah cakap aku ni. So, jangan takut keluarkan buku sendiri.

PENUTUP

So, ini je lah benda2 yang patut kau bear in mind. Terserah pada kau, buat buku untuk spread mesej atau untuk jadi popular atau untuk jadi kaya. Aku dah tunjuk jalannya. Tinggal untuk kau praktikkan jek. Tapi aku ajar ni atas dasar mencipta ruang untuk bebas berkarya. Bebas tak bebas lah. Kalau buku kau kritik kerajaan, peluang kau nak masuk ISA tu cerah. Tapi setidak-tidaknya, kau bebas dari pihak penerbit yang mungkin akan menapis tulisan-tulisan kau yang mereka [penerbit] rasa tak sesuai untuk dibaca orang ramai. Tak payah susah-susah cari penerbit yang "baik" sangat. Kau cari jek Papakerma Press [ayat lain: kau cari jek aku.hehe]. Aku komfom Papakerma Press takkan sunting ayat-ayat kau. Saje jek nak promote nih. Papakerma Press ni milik aku dan kawan-kawan.hehe.:)

Yang benar;
Dhani Ahmad
http://www.papakerma.com

kalau malas,bila nak berjaya?

Hari ni tak pergi kerja. Kurang sihat. Boss nak tengok MC. Macam mana ni. Nasib baik ada adobe photoshop. Scanner pun ada. MC yang lama pun ada. Pandai-pandai la nanti. Print hitam putih. Bukan dia nampak pun. Kalau dulu,tak nak gi sekolah,suruh mama mintak sain doktor. (sebab mama kerja kat hospital). Sekarang duduk sorang-sorang. Pandai-pandai la nak hidup.

Perangai aku dulu tak macam sekarang. Dulu rajin. Masa kecik-kecik la. Masa start masuk tadika tepi jalan besar. Kat kampung aku. Kalau budak-budak sebaya aku dulu,semua menangis,tak nak pergi tadika. Ada yang suruh mak bapak temankan. Tapi. Aku. Bila kena kejut pagi-pagi,terus bangun. Siap-siap. Pergi tadika. Jalan kaki. Sampai akhir tahun. dapat hadiah. Anugerah pakaian paling kemas dan Anugerah khas,rekod kedatangan pelajar ke kelas. Dua tiga hari je tak datang. Kalau tak sihat pun. Paksa jugak pergi. Pernah muntah dalam tadika. Sebab demam. Tapi. Tu dulu.

"kalau malas,bila nak berjaya" –ujay

Betul kata ujay. Sebab malas. Aku tak berjaya. Sebab malas,aku tak masuk U. Sebab malas,aku tak pergi kerja. Sebab malas,bilik aku kotor. Sebab malas skuter aku kotor. Bila malas,semuanya tak berjaya. Kalau malas berlajar,semuanya akan jadi malas. Kalau malas bersih bilik,secara otomotiknya,malas belajar. Kalau malas belajar jugak,malas la nak pergi kerja. Betul ke teori tu?

Honda Petak

Petang tadi. Hujan. Tapi tak lebat. Separuh jalan nak sampai rumah aku. Dah seminggu balik dalam keadaan hujan. Kira dah biasa sangat la. Ada jugak. Aku tanya kat kawan-kawan,macam mana nak elak hujan. Ada yang suruh aku beli kereta. Mampu ke aku beli kereta?? Ada yang bagitau, sediakan payung sebelum hujan. Tapi. Masalahnya. Kalau aku beli payung. Macam mana nak bawak motor sambil pegang payung?? Bila naik motor tengah hujan. Teringat masa zaman sekolah dulu. tingkatan 3. baru dapat motor. Motor jenis Honda C70. Ada panggil Honda 'petak'. Ada yang paggil Honda 'cup'. Dulu,dapat motor macam tu. Dah kira paling hebat. Sebab kawan-kawan lain semua naik basikal lagi. Mula-mula, jalan-jalan pusing kampung. Dah berani sikit, bawak motor pergi sekolah (lalu jalan kampung,sebab takde lesen) . Bila dah agak advance. Pergi ke bandar. Pergi main skate-board. Mama tak tahu. Sebab aku guna taktik kotor. Tinggalkan helmet kat rumah kawan. Bila petang je. Aku takde la kat kampung. Mama ingat aku pergi main bola. Pernah. Aku dengan kawan aku. Naik motor Honda 'petak ni'. Tengah-tengah jalan. Hujan turun dengan lebat. Sampai sekerat jalan, Honda 'petak' tiba-tiba mati. Sebab air masuk dalam carburetor. Pernah jugak,aku ponteng sekolah. Tuhan nak tunjuk. Masa nak pergi melepak,aku accident. Habis Honda petak. Dah tak petak bentuk dia. Memang tengok motor,orang akan cakap tuan motor dah mati.

Banyak kenangan aku dengan Honda 'petak' ni. Sampai sekarang motor tu masih ada sebelah Mitsubishi gallant buruk dalam garaj kereta mama. Bila sekali sekala balik kampung. Aku tetap naik Honda 'petak' tu. Sebab best. 'User friendly'. Gear dia sampai 3 je. Tak pakai 'clucth'. Minyak hitam tak tukar pun tak apa. Kalau kunci hilang,bukak tolong print sekali ye. Yang tu pun urgent. Nanti ada orang nak datang ambik."Dia suruh lagi. Banyak kerja pulak aku kena buat.Tapi. Aku tak merungut. Aku buat semua kerja tu. Abg Zul.Selalu ajak lunch.

Dulu jarang lunch dengan dia. Tapi. Sejak kawan baik dia,Si Nasrul kena hantar pergi Sudan,aku yang temankan dia lunch. Tepat pukul 1.Dengar suara dia."Wan,jom lunch".Ringkas dan bersahaja ajakan dia. Abang Shah ngan Abang Bob,kaki main futsal.Tapi.Planning nak main,selalu tak jadi.Sebab hujan.(dieorang selalu main kat court.belakang ofis.) Dieorang selalu tanya."Wan,airini bawak kasut tak?Kalau tak hujan,kita main futsal". Tapi. Sampai sekarang tak main-main lagi.

Staff-staff yang lain. Aku tengok je mereka.Lalu lalang belakang aku. Tak pernah bercakap. Tak pernah bertegur sapa. Mereka panggil nama aku bila dirasakan perlu. Aku tak panggil diaorang. Sebab diaorang tak nak kasi tau nama dieorang dulu,sape suruh?.Manager aku. Nama dia Salasiah Rashidi(IT manager). Garang. Masa aku datang,dia yang interview aku. Tempat aku,dekat dengan bilik dia. Selalu dengar dia berleter. Selalu dengar dia marah-marah. Paling best,aku dengar dia cakap pasal team futsal. Dia kapten futsal wanita kat ofis.(patut garang!)

Aku??. Kerja teruk dan banyak! Elaun belum dapat. Minyak mahal. Makanan mahal. Selalu ponteng! Balik kerja lambat. Buat masa ini, aku sedang menunggu duit jatuh dari langit. Tapi tak jatuh-jatuh. Nak harap menang peraduan. Mustahil. Nak tunggu RM 1 juta masuk dalam akaun bank. Lagi mustahil Huish!

"Sembang lebat,tak guna kalau tak bayar elaun budak praktikal beb!"- rizie



oleh : rizie

cerita sana,cerita sini

www.chinesepancake.blogspot.com

Sembang nak lebat,Elaun belum dapat!

Pejam celik pejam tidur. Genap sebulan tujuh hari aku buat praktikal.'Lone ranger'! Takde geng.Cukup tertekan. Orang lain cuti,aku bekerja. Padan muka!. Nasib baik kental. Ikutkan hati.Nak cabut.Balik kampung. Tapi takde alasan nak jawab ngan mama. Praktikal tak lama. 4 bulan je. Tapi azab yang aku lalui,baju kemeja dan seluar slack aku saja yang tahu. Nak tak nak,kena sabar. Kat ofis,macam-macam kerenah,macam-macam perangai boleh jumpa. Staff kat situ. Semua dah berumur. Dah berkeluarga. Mereka bukan 20 tahun. Dan semestinya bukan 18 tahun. Aku panggil mereka akak dan abang.(kalau panggil makcik dan pakcik,tua sangat!)Ada yang single. Tapi tak cun. Yang cun semua kena kebas ngan boss,buat jadi secetary. Kat ofis.

Aku tak bergaul sangat. Penyakit susah nak mesra dengan orang.(betul ke?) Aku tak sembang lebat ngan dieorang. Takde topik. Yang akak-akak sibuk cerita pasal perangai anak-anak dieorang. Cite pasal suami dieorang. Cite pasal mak mertua dieorang. Kalau geng-geng laki. Sembang lebat pasal kereta yang baru nak keluar. Harga MP4 baru. Harga PDA,I-pod,Laptop baru,cite pasal PC Fair,pasal 'Prison Break',pasal E-bay,pasal Kredit kad,pasal lelong[dot]com[my],pasal pergi travel. Aku,takkan nak pergi mencelah,tanya dieorang, pasal gig kat Lil Havana,pasal zine MOSH yang baru kuar, pasal Tengkujuh Fest,pasal band-band D.I.Y yang baru.

Memang takde yang layan. Hari-hari,masuk kerja mengadap PC. Tak berganjak.Selagi takde orang jerit nama aku.Bukan tak nak lepak. Tapi aku tak sesuai.Aku tak macam dieorang. Jauh berbeza. Pernah. Aku cuba. Sesuaikan diri. Tapi selalu failed. Aku jugak. Seorang pemalu. (malu ke?)Kat sini aku dapat lepak-lepak sambil buat kerja. Dapat berangan. Dapat duduk atas kerusi yang empuk,aircond yang sejuk nak mampus,sambil layan internet dan sekali sekala keluar pergi toilet. Lansung tak berganjak kemana-mana. Siap kerja lama,dapat kerja baru. Betul-betul aku macam mesin. Dieorang cakap je,aku buat. Tapi tak pernah suruh aku buat air ngan photostat. Paling 'koman' pun,kena angkat monitor.(monitor 22 inci kot,berat macam gajah).

Supervisor aku. Abang Zek. Baik gile. Tak pernah push aku buat kerja. Die akan tengok hasil kerja bila lalu belakang aku untuk pergi ke bilik sembahyang atau pergi buat air. "Haa,Wan,macam mana kerja tu..ok?"(aku dah boleh hafal ayat dia.)lepas tunjuk kerja aku buat. Die tegur apa yang patut. Pastu dia blah. Memang best. Lepas dia blah. Aku. Sambung YM,Myspace,Friendster dan kadang-kadang bukak Blogger. Layan internet. Agak-agak dia nak lalu belakang aku lagi.Cepat-cepat turunkan window yang tak berkenaan. Hiprokrit kan?.Kak Fira, selang satu table dengan aku. "Wan,tolong akak bawak laptop ni turun bawah"(dia berbadan dua.Tak boleh angkat berat-berat!). Kalau takde yang nak kena angkat lagi,dia memang takkan sembang atau bercakap dengan aku. Kak Fila pulak. Orang pertama aku kenal. Masa mula-mula lapor diri. Agak friendly. Baik. Lawa. Tapi dah kahwin. Sayang. "Wan,tolong akak key in data dalam website ni,Urgent tau. Buat cepat-cepat sikit"(urgent??aku siap key in data tu dalam masa 3 hari.)Kak Fila tak marah. Sebab dia busy dengan kerja lain. Bila siap,aku bagitau dia. Kak Na,duduk sebelah Kak Fila.Masa die cuti sakit,aku duduk tempat dia. Buat semua kerja yang dia tinggalkan.

Dia la yang mintak tolong angkat monitor. Ada jugak.Dia mintak tolong. Buat kerja lain. "Wan,akak nak pergi sembahyang ni,Wan duduk kat tempat akak. Bila emel sampai,Wan save file tu dan convert jadi PDF. Pastu Wan emel balik kat dia. Urgent tu. Orang atas dah tunggu dah.(group of CEO).tapi akak takleh tunggu.Waktu zohor dah nak habis dah.Wan buat yer.Thanks.".Aku tolong dia. Tak kisah,lagipun tak baik lengah-lengahkan sembahyang.Belum sempat aku duduk."Lagi satu Wan,Wan bukak gambar yang dekat folder akak tu,Wan edit sikit dan



NIZANG PUNKGHOK!

interview oleh : rizie

1.Assalmualaikum nizang. Apa khabar? Sebelum kita borak lebih panjang,sila memperkenalkan diri kamu dengan lebih lanjut. Maklum saja lah,kamu ni glamer,mana tahu ada awek-awek denyut luar sana yang membaca zine ini. okeh. Ceritakan sedikit latarbelakang kamu. Tentang diri kamu. Hobi kamu,cita-cita,no tepon(untuk awek-awek denyut),bila nak kawen,ciri-ciri wanita idaman,hobi dimasa lapang etc.

Waalaikumsalam. Guane gamok? Ya, aku nizang. Berumur 24, masih bujang trang tang tang. Aku lahir di kota Kuala Lumpur, mula mengenali dunia di situ juga tetapi menghabiskan masa-masa remaja 'pemberontakan' aku di sebuah kampung nelayan di Kuala Terengganu. Kini aku kembali hidup di kota pesat membangun, Kuala Lumpur menyambung pelajaran aku yang tidak akan habis dalam masa terdekat ini di sebuah kolej swasta. "pendidikan, mahal bangat, ajang bisnis, anjing!" – 'aku mau sekolah gratis', Marjinal.

Aku mengaku diri sebagai seorang straight edge punk rocker. Takdelah punk sangat, cukup makan jer. Antara band kegemaran aku termasuk Minor Threat, Dead Kennedys, Bad Brains, Stiff Little Fingers, Defiance, Carburetor Dung, FSF, Nostalgia, The Bollocks, Beauty Of Doubt, Secret Seven, Operation Ivy dan lain-lain.
Aku sedang bercuti sekarang dan menghabiskan masa cuti panjang ni di kampung halaman, di rumah emak aku iaitu di Kuala Ibai. Cutiku ini banyak dihabiskan dengan menonton TV, menulis dan membaca. Buku yang sedang aku baca sekarang merupakan koleksi dari arwah ayah aku, iaitu Advertures of Huckleberry Finn. Sebenarnya aku kurang membaca buku sebelum ini walaupun niat telah lama ada. Mungkin kekurangan masa menjadi penyebab utama aku kurang membaca buku tetapi lebih kepada membaca majalah dan zine sahaja. Jadi, aku manfaatkan cuti aku ini dengan berazam untuk membaca sebanyak buku yang boleh dari koleksi arwah ayah aku yang sebenarnya banyak yang menarik.

Aku mula mengenali punk rock melalui beberapa band besar atau boleh dikatakan sell-out oleh budak-budak hc/punk DIY iaitu Nirvana, Greenday dan Offspring. Kakak sulung aku banyak mendorong minat terhadap music secara am dan punk rock secara khususnya pada zaman kanak-kanak aku dulu. Aku mula mengenali scene tempatan dari zine Pang Zine yang diterbitkan oleh Mat Pang. Masa tu aku beli zine ni masa ikut boyfriend kakak aku pegi jamming di Studio Kuyie Mallaria di Plaza Perdana tak silap aku di tingkatan dua. Aku juga mengetahui lebih lanjut tentang scene tempatan dari Blasting Concept, sebuah column mingguan di surat khabar berkenaan scene punk rock/independent music tempatan kelolaan Joe Kidd yang dibawa oleh kawan aku Samir (drummer Jellybelly) setiap minggu ke sekolah.

Aku mula menyumbangkan tenaga dan hasil kerja pada scene sejak tahun 1999 dengan membuat zine yang diberi nama Mosh. Aku pernah bermain untuk beberapa band sepanjang aktif dalam scene tempatan ini dan yang paling menonjol rasanya Jellybelly (2000-2005) dan Inikah Hidup (2002-sekarang nyawa-nyawa ikan). Aku pernah mematikan Mosh pada suatu ketika dahulu dah kini kembali menerbitkannya. Isu 9 merupakan 'reborn' isu.
Hobi aku antaranya termasuklah melukis, menulis, membaca, memasak, mendengar lagu, melayari internet, tengok movie, mengumpul CD, kaset, zine dan hobi utama aku ialah tidur. Masakan kegemaran aku ialah Ikan Singgang. Cita-cita aku semasa kecik... hmmm...berubah-ubah. Masa aku kecik dan IQ aku amat ciput aku bercita-cita untuk menjadi Robocop, lepas tu IQ berkembang sikit nak jadi askar atau polis. Pastu bila dah besar skit lagi nak jadi arkitek. Tu pun sebab mak aku cakap, pandai melukis boleh jadi arkitek. Buat masa sekarang boleh la aku katakan cita-cita aku ingin hidup selesa disamping orang-orang tersayang.

Ciri-ciri wanita yang aku selalu carik adalah awek scene bertudung dan memahami akan diri ini. Tak semestinya aktif dgn scene ni la tapi at least tahu serba-sedikit mengenainya adalah memadai kerana mudah nak pahami aku. Dan bertudung kerana kalau tak bertudung nanti famili tak approve. Aku datang dari keluarga yang kuat tak kuat agama dan sangat closed-minded. Kadang-kadang susah jugak tapi bagi aku, keluarga sangat penting dalam hidup aku kerana mereka sentiasa menolong aku dan ada di samping aku tak kira di masa senang atau susah.

Bila nak kawin? Hmmm...2-3 hari kebelakangan ni mak aku ade duk cakap pasal suruh kawin awal-awal. Habis study terus kawin, tapi ye lah. Zaman sekarang ni nak kahwin bukan mudah atau murah. Nak jugak kene ade RM20, 000 dan kereta sebijik. Kalau tak parents awek tak kasik kawin. Zaman sekarang zaman harta. Takde harta orang tak approve. No money, no talk...bersiap sedialah kite. Bila aku akan

kahwin? Hanya tuhan yang tahu.

2.Soalan pemanas badan dari aku. Sangat simple. Apa pendapat kamu tentang scene UG di terengganu sekarang? Dengan melihat kewujudan banyak band-band baru yang muncul,adakah ianya satu 'come-back' kepada scene terengganu amnya,atau kamu melihatnya dari segi lain. Kerana,semangat yang ditunjukkan oleh mereka,sangat mengkagumkan(melihat kepda crowd dan supporter yang datang pada nasik dagang raya jamm tempoh hari). Tetapi,suka aku katakan, scene sekarang tidak semeriah pada sekitar tahun 1998 sehingga lewat 2003.(correct me if im wrong). Dimana ketika itu,ada gig,jamm session,ada buat 'makanan percuma'. Ada infoshop. Apa pendapat kamu nizang??

Ya, ternyata sekarang banyak band di Terengganu tidak seperti lima tahun lalu. Bila ada yang nak buat gig atau jam session, maka berebut-rebutlah band nak turut serta. Itu merupakan satu perkembangan yang agak positif. Tapi dalam kita ghairah bermain band dan membuat gig, jangan kita lupa aspek-aspek lain seperti idea yang mesti diterapkan kepada rakan-rakan kerana punk/hc/independent music bukanlah satu bentuk hiburan kosong. Hc/punk/indie ada perjuangan yang jelas dan idea disebaliknya.



Terengganu yang senyap mula digegarkan kembali pada tahun 1999 tak silap aku dengan adanya jam session di Kerteh, gig di Kuala Terengganu dan beberapa zines yang diterbitkan seperti DRSA (fazri), narrator (shabri), go straight down (nazri & mat lo), Chaos Ps (syukree dungun) dan jugak zine aku. Sebelum itu, memang ada band-band yang menghasilkan demo seperti Tahannus, Speaks (kemaman), Dead Idols (kemaman), DPSA, The Rotten, Stoned Crows dan lain-lain. Aku mula aktif pada zaman 1998 ke atas dan memang pada masa itu, bagi aku scene Terengganu amat meriah dengan gig kalau tak silap aku pernah sampai tiga kali dalam masa setahun yang dianjurkan oleh Rohock Crew. Aku memang merespek Rohock Crew terutama saudara Fazri kerana berjaya membuat gig yang pertama di Terengganu pada tahun 1999. Ia boleh diibaratkan mimpi jadi nyata. Masalah untuk menganjurkan gig di Terengganu adalah kerana sikap closed-minded dan konservatif rakyat Terengganu dan ketidakwujudan kelab-kelab seperti bandar di negeri lain. Untuk menyewa dewan pula bukanlah satu yang amat mudah kerana prosedurnya yang panjang, sebab tu kot susah nak adakan gig di Terengganu ni.



Kewujudan A//Mince infoshop and Studio bagi aku merupakan sesuatu yang amat banyak menyumbang kepada kemeriahan dan pembangunan scene HC/punk/independent music di Terengganu suatu tika dahulu. Itu memang tidak boleh dinafikan sama sekali. Aku amat merindui tempat tu dan diharap kita akan dapat memperolehi tempat lepak seperti itu di masa akan datang semula. Disamping itu, budak-budak A//Mince juga sempat menjalankan pengagihan makanan percuma seperti idea Food Not Bombs. Cool.

Untuk menjawap soalan mung, dari segi kuantiti band, YA memang boleh kita lihat peningkatan berbanding tahun-tahun sudah. Tapi dari segi idea, aksi langsung dan aktiviti lain, itu aku tak pasti. Dulu kita ada pengagihan makanan percuma dan gig profit untuk membantu mereka yang susah...sekarang takde. Dulu kita ada tempat sendiri untuk melakukan aktiviti bersama-sama berbicang dan membuat segala macam yang positif, sekarang takde. Dulu banyak zine dibuat dan dikeluarkan, ...sekarang hanya ada dua tiga saja. Jadi bagi aku, peningkatan mungkin hanya boleh dilihat dari segi bilangan band. Tapi dari segi lain...kita mengalami statistic yang merundum. Di mana salahnya? Siapa

7.Sehingga kini, apa material terbaru korang? apa perkembangan baru. Gig? Demo? Atau apa-apa aktiviti yang membabitkan Brayok?

skang ni brayok dlm proses nk rilis ep kita org... gig buat stakat ni kitaorg main kat ipoh gan terengganu je...tempat lain x de lg..

8.Apa pendapat korang tentang scene terengganu. Jika dibandingkan beberapa tahun yang lepas dengan sekarang. Antara Ipoh dan Kuala Terengganu. Bagaimana perkembangan scene di kedua-dua negeri ini.?

scene kat terengganu skang kita tgk contoh yg terdekat dulu..mcm bollok wok 3..kat situ kita bole tgk scene terengganu sudah makin bagus dan aku bangga gan terengganu...kalo nk bandingkan gan scene ipoh agak susah skat ar sbb kat ipoh terdapat byk pub dan pot untuk budak2 ipoh buat gig sbb tu scene ipoh agak berkembang jauh sket dr terengganu tapi scene terengganu diakui kuat oleh jay dan budak2 bodysurf sendiri...

9.Bagaimana dengan quality rakaman yang dijalankan baru-baru ni dan puas hati ke dengan harga yang dibayar?? Cerita skit pengalaman menarik masa recording.

rudy;masuk gan yg ni dh 3 tempat aku rekod utk thn2006, tp rekod gan zahid(raincity) paling aku berpuas hati...
quality mmg puas dan dia tahu apa aku nk..dulu dia dh rekod lagu2 jellybelly gan obvious dan di blah g uk..
masa aku duk sibuk2 cari tempat rekod dia blk m'sia dan jay freelove yg suruh aku rekod gn ye....kita org rekod kat taiping gan ipoh....

10.Bole ulas sikit tak tentang lagu yang korang sumbangkan untuk kompilasi bollok wok 3 ni...?

lagu tu aku dpt time aku tgh berak...aku buat lagu tu untuk kita smua..sbb kita smua sama dan kita kene jadi diri kita sendiri jgn sbb cita2 kita,kita xingat mana kita dtg!bentuk jati diri berdiri d kaki mu sendiri... xkira duk mana2 scene kita adalah sama..kita punk..kita bukan org putih org putih bkn kita..kita adalah diri kita sendiri...

11. perancangan untuk masa terdekat ni?

perancangan lepas rilis ep ni nk wat split lak tu kene tunggu dulu le...

12. ada pesanan terakhir kepada pendengar dan pembaca di luar sana??

pesanan berdiri@kakimu sendiri...punk sokmo!!!!







HARI-HARI KAMI SIDANG KAT PARLIMEN...

1.Assalamualaikum. Brayok. Guane gamok? Ok,orang kata,tak lengkap interview kalau editor tak tanya pasal latarbelakang band.dok gitu? Ok,cite sikit pasal latar belakang band brayok. Bila ditubuhkan? Ape aktiviti korang? Dimana korang selalu lepak? Ape kerja korang? Bila nak kawen? Makanan kegemaran korang etc.

w'salam... gne..gni..ah.. brayok start 2004.. line-up rudy, syamil dan saleh.. aktiviti ari2 keje.. kadang2 jamm.. lepak kat kedai saleh, bacteria, bodysurf ngan freelove production...

2.Ok,soalan yang takde objektif dari aku. Cuba bagi hujah sikit. Apa yang mendorong korang memilih punk rock sebagai hala tuju band korang. Adakah korang setuju yang aku katakan,sekarang band yang main punk rock ni boleh kire ngan jari je kat Malaysia ni. Terlalu sedikit. Apa pendapat korang?

Punk, dah jadi mcm tempat kiteorg lepaskan prasaan geram dan tidak puas hati terhadap persekitaran, politik, sistem dan cara hidup... walaupun kite bekerja dengan kerajaan... keadaan tertekan... membuatkan punk adalah cara hidup kami...
kalau band punk mungkin kite lihat sedikit.. sebab banyak yg tak aktif.. tapi, kat malaysia budak2 punk ade kat mane2....

3.Aku nak bertanya sikit pasal nama band ni. Kenapa brayok? Tidakkah bahasa ini terlalu kasar(jika mengikut dialek terengganu)?

nasib baik aku tak letak name batu pelir ayahmung...

4.Seperti yang kita tahu,ramai bebudak punk kat luar tu yang FUCK polis. Ade yang panggil polis ni bastard. Aku sendiri yang pernah dengar. Ape pendapat korang? Apa korang nak sampaikan kepada bebudak diluar sana yang masih lagi tak suka polis. Soalan pencabar minda dari aku. kenapa masih berleluasa penyalahgunaan kuasa polis di Malaysia sekarang?

fuck polis... fuck authority... pende tu authority...
cube bagitau aku negare mane yg tak kuatkuasakan undang2... isu rasuah, ataupun salah guna kuasa.. aku rase itu soal individu... kalau dah rase polis tu salah, ambik no dekat dada die repot kat balai polis ataupun suhakam korang have a right!!aw n' order dh tertulis dan jika ada salahguna individu tu sndirilah yg jahat.. dh mu baik sgt ke????

5.Apa pendapat korang tentang kugiran dari Dungun ?. The goodnite goodies. Aku pasti korang dah dengar lagu-lagu dari kugiran ini. Berkonsepkan punk revival. Apa komen korang?

soalan ni beh....dh lama aku tgg band gni dr terengganu..lagu big dog,realize,fictitious kire smua skali ah beh...dungun musik berevolusi..sape lg kate music terengganu x tight?goodnite goodies rules!!!!!!!!

6.Jika korang diberi peluang untuk bersidang didewan parlimen, apa yang korang nak sampaikan? Boleh ke kita bentuk satu revolusi?. Sedangkan kuasa dan suara rakyat begitu lemah. Bagaimana pendapat kamu tentang gerakan aktivisme di Malaysia sekarang?

parlimen tempat dimana suara rakyat di dengar dan ahli parlimen wakil kepada suara rakyat untuk d bentang di parlimen..tp kalo d perhatikan apakah yg terjadi di parlimen mcm sembang kat kedai kopi tak de kesudahan (hari2 sidang d parlimen berdansar lagak demokratik)..kalo di beri peluang aku nk usulkan pembubalan ahli parlimen gantikan dgn org yg lebih layak
parlimen dh jd cacarmarba org kedah kata...



pengakibatnya? Jawapannya ada pada anda. Just do your part whichever you can. Tulis zine, buat show, buat forum, sebar newsletter tulis mesej di dinding sekolah dan apa saja yang dirasakan perlu. Reclaim what they stole from you! Ingat, hc/punk/metal/indie dan segala macam music alternative bukan sekadar buat band, jamming dan main gig sahaja.

3.Ceritakan sedikit tentang nervous records? Perkembangan terbaru nervous record dan distro yang sedang kamu jalankan? Apa projek terbaru? Oh ya,dengar cite,kini banyak band-band punk rock yang join bawah label kamu. Betul ke? Apa nasihat kamu kepada mereka-mereka yang ingin menjalankan sebuah record label dan distro label??

Ok, Nervous Records merupakan sebuah label DIY/independent yang aku usahakan sejak tahun 2000 bersama dengan Shah (bassist Jellybelly). Aku memang amat meminati untuk aktif dengan scene punk rock ni jadi memang aku berkeinginan untuk menjalankan sebuah record label dan Shah pandai membuat design jadi kami sama-sama berusaha membuat label ni. Masa tu kami ingin merilis demo band kamilah, Jellybelly. Tetapi sebelum merilis demo kami, kami merilis reh tape band di mana Ujay (guitarist Jellybelly) bermain drum iaitu The Mojos berjudul 'cappuccino sold here'. Shah mula menyepikan diri dari scene punk rock sejak beberapa tahun selepas rilis demo Jellybelly tadi. Aku masih menjalankan label ini seorang sampai sekarang.
Sehingga sekarang (Dec 06), aku dalam proses mengeluarkan rilisan ke-13 iaitu sebuah compilation yang diberi judul Bollok Wok vol. 3. Untuk pengetahuan anda, vol. 1 compilation ini sebenarnya dikeluarkan oleh Ronin Records manakalah vol. 2 merupakan hasil usahasama Ronin Records dan Nervous Records. Siri kompilasi ini bertujuan untuk mendokumentasi kugiran-kugiran dari Terengganu khususnya tetapi utk vol. 3 ia dilonggarkan sikit di mana beberapa kugiran mempunyai satu atau dua ahli dari Terengganu sahaja tapi aktif di tempat lain. Untuk vol. 3, aku ade menjemput lima lagi label lain untuk turut serta meriliskan CD ni kerana untuk mengeluarkan satu judul CD memerlukan modal yang amat tebal. Terima kasih kepada label-label tersebut; bewok, brainwash, anock mearan, rohawk dan gegey music. Kali ni, ia menampilkan band-band pelbagai genre termasuklah indie, punk, experimental, grunge dan metal. Aku memang suka membeli dan mengumpul compilation jadi untuk mengeluarkannya merupakan sesuatu yang amat mencabar kerana aku ingin orang berpuas hati setelah memiliki CD ni.
Oh ya, pada pertengahan tahun 2006, aku dikejutkan dengan sebuah email dari Nervous Records UK yang memarahi aku kerana menggunakan nama yang sama dengan record label mereka. Jadi, aku mengambil keputusan untuk menukar nama



kepada Nervhous Rechords. Sama sebutan tapi lain ejaannya. Aku juga dapati ada sebuah lagi label bernama Nervous Records di USA.
Antara rilisan-rilisan lain yang masih aku jual termasuk (ner 05) Dully Dog 'pictures of you' cdr, (ner 06) Bonds of Old Skool compilation CD, (ner 07) Inikah Hidup 'soundtracks of war and destruction' CD, (ner 09) Jellybelly/The Obvious 'The Twosome Takeover' CD, (ner 11) 50k Promises '2 hours and still waiting' CD dan juga (ner 12) Marjinal 'predator' cassette/cdr.
Aku tidak mengkhususkan untuk merilis hanya kugiran punk rock, tetapi apa saja yang aku minat termasuk indie, hardcore, ska dan lain-lain. Antara band yang akan aku 'pasarkan' demo mereka pada awal 2007 termasuk Dirty Divider, Brayok, The Ray Gradys (USA) dan 679. Tolong kawan-kawan jer. Yeah, aku memang menggemari punk rock walau apa music pun aku dengar, aku akan tetap kembali pada punk rock.
Nasihat aku buat record label DIY/independent bukan suatu yang mudah. Janganlah sekadar melepaskan batuk di tangga. Buatlah bersungguh-sungguh dan bersedialah untuk berkorban wang dan tenaga. Buatlah hasil produk yang gah dan setanding untuk melawan keluaran major label. Chaiyo!
Di sini aku ingin memetik kata-kata dari Dato' Ian Mackaye mengenai band/aktiviti musicnya yang bergerak secara independent, "To others it's a lot of work. To me, it means freedom".

4.Okeh nizang,nak tanya pasal zine pulak? Dengar citer dah tulis MOSH balik? Sebelum aku suruh beri pendapat. Baik kamu ceritakan secara detail tentang MOSH yang baru keluar. Kenapa kali ni cover pro-printed? Satu soalan trivia untuk encik Nizang. Sekarang,ada lagi ke yang baca zine?

Aku sudah mula menerbitkan zine sedari tahun 1999. Kini kita sudah berada di tahun 2006, aku merasakan sudah banyak jumlah zine dan newsletter yang aku terbitkan walaupun dengan nama yang berlainan seperti Mosh, Jerangkung Dalam Almari dan

The Coalition. Sudah tiba masanya untuk aku membuat zine dengan lebih bersungguh dan kebetulan duit pinjaman pembelajaran aku ada lebih. Aku tidak berfikir panjang dan terus membuat pro-printed cover untuk isu Mosh yang terbaru dengan harapan lebih ramai berminat untuk memiliki dan membacanya.
Ada lagi ke orang baca zine? Ada tu memang ada tapi tak ramai macam dulu. Dan yang pasti, mereka yang buat zine sekarang dah sangat 'rare' berbanding dulu. Jadi, hargailah local zines anda dan support mereka.

Untuk pengetahuan semua, hanya 200 copies Mosh #9 akan berkulit warna. Untuk copy ke 201 dan keatas, ia akan berkulit hitam putih. Jadi, cepat sementara masih sempat.

5.Soalan ini agak lapuk. Kalau dulu,medium utama untuk segala bentuk penyebaran info adalah zine. Flyers-flyers diedar melalui zine. Orang berkomunikasi pun melalui zine. Cari alamat dalam zine. Tulis surat. Dulu berlambak-lambak zine. Tapi tu dulu,masa zaman 90 an. Masa bebudak sekolah tak pakai henset lagi. Masa tu myspace,friendster takde lagi. Adakah kamu rasa dengan berkembangnya dunia teknologi sekarang,adalah penyebab utama zine tidak lagi ditulis? Zine dah makin berkurang. Adakah masih ada peluang atau cara untuk menyelamatkan zine scene di Malaysia? Sekarang ramai yang suka spread info gig dalam internet. Adakah penulis-penulis zine sekarang sepatutnya menukar cara untuk mempublikasi zine mereka dengan menulis didalam blog?

YA memang aku dapati ramai bekas penulis zine kini cenderung untuk menulis di blog berbanding membuat zine. Banyak bende positif dari blog/internet ni. Cepat, mudah, murah dan boleh diakses oleh sapa saja yang berminat untuk membaca tanpa mengeluarkan duit atau beli di gig/berjumpa dengan sang editor. Ya, sememangnya tanpa MySpace dan blog sudah pasti masih ramai yang akan menerbitkan zine macam dulu kala. Itulah pandapat aku, dan memang teknologilah yang bersalah disamping manusia itu sendiri atas kemalasan mereka untuk menerbitkan zine.

Tetapi bagi aku, aku lebih suka membaca dan menulis zine. The feeling is different. Dan aku kurang selesa baca artikel yang panjang-panjang dari skrin computer. Aku suka membaca sebelum tidur, semasa berak dan dalam kenderaan awam. Jadi aku perlu untuk pegang zine kerana aku tidak berkemampuan untuk memiliki laptop buat masa ni. Itu citarasa dan keselesaan masing-masing. Terpulang.

Untuk mengembalikan zine scene seperti tahun 90an atau 2000-2002 adalah sesuatu yang mustahil bagi aku. Tapi aku ada dengar dan tengok beberapa rakan-rakan dalam mengusahakan zine mereka samada mereka pernah menerbitkan sebe lum ini mahupun yang baru nak cuba-cuba. Aku lihat ni satu perkembangan yang menggembirakan. Tak kisahlah sikit atau banyak, asal zine culture di negara kita tidak pupus seperti di Jepun.

6.Senaraikan 5 zine yang pernah kamu baca dan menjadi 'feveret' kamu sehingga kini.

Sandwich – the best skatezine to come out of Malaysia
Cronically Donut – kelakar, selamba tapi best!
90's Choice – personal and scene politics yang best!
Common People –personal and scene politics yang best! No interview or review at all!
Grrrl:Rebel –bersungguh-sungguh, menarik, kemas dan tiptop!
Pang zine –zine yang pertama sekali aku pernah baca dalam hidup aku!
DRSA zine –zine paling bes dan berkualiti dari scene Terengganu.
Callus –zine collective yang menarik oleh Callus Collective suatu tika dahulu.
Raincity –first ever pro-printed zine in Malaysia dengan kandungan yang menarik dan informatif.
Roots –zine yang banyak memberi inspirasi dan dorongan kepada budak2 Malaysia untuk menulis dan buat zine.
Personal Liberation Front –cut and paste yang amat punk rock dan menarik.
Hardkoi #1-zine pertama aku beli pakai pos. Sangat sempoi dan banyak influence cara aku berpikir masa zaman aku sekolah menengah sampai sekarang. Salute!

Sori terlebih pulak. Aku memang suka zine dan ada lagi zine-zine lain yang aku suka tapi cukuplah buat masa ni. Zine yang di atas merupakan antara zine-zine yang menjadi sumber inspirasi aku untuk menulis.

7.Selain menulis zine dan menguruskan distro serta record label,apakah aktiviti kamu? Bagaimana dengan band inikah-hidup? Adakah masih aktif bermain atau sudah berkubur seperti jellybelly? Atau,kamu berhasrat untuk membuat band baru?

Aktiviti lain adalah agak sama seperti student-student lain. Pergi kolej, balik kolej, tidur petang, memasak atau makan di mamak mahal. Pada hari minggu bangun lambat dan pergi ke gig untuk berhibur, jumpa kawan-kawan dan berniaga. Buat masa ni, Inikah Hidup mungkin berada dalam kondisi nyawa-nyawa ikan kerana masing-masing sibuk dengan komitmen kerja masing-masing dan tinggal berjauhan antara satu sama lain. Jika berpeluang, kami akan beraksi kembali. Oh, Jellybelly pula sudah berkubur secara mutlak semenjak tahun lepas. Keinginan untuk berkugiran sentiasa menebal di sanubari aku ni. Tapi kerana ketiadaan bakat untuk mengendalikan alatan music, hasrat untuk berkugiran terbaik sebagaimana biasa adalah rakyat juga. Lepas ni sure ada pihak yang berlagak pandai yang akan mencadangkan agar kita elakkan dari menggunakan lebuh raya,guna sahaja jalan persekutuan. Mengapakah begitu? Rakyat akan terus disuruh berjimat-cermat, tetapi sampai bila?Kalau dahulu kita makan tiga kali sehari apakah selepas ini kita perlu makan dua kali sehari sahaja? Bagi aku sudah tiba masanya rakyat menyemak semula kecekapan kerajaan dan kemampuannya untuk membela dan mempertahankan nasib rakyat. Aku bukan maksudkan dua tiga juta rakyat di bandar-bandar besar, tetapi yang kita maksudkan adalah keseluruhan rakyat di negara ini.

Sekiranya tahap kemampuannya sudah lemah dan sudah tidak bertenaga lagi, maka sudah tiba masanya untuk kita menimbang-nimbang alternative lain. Mengeluh-mengeluh juga tetapi sesungguhnya kita masih ada pilihan untuk membuat perubahan, Suara yang lemah akan menjadi kuat. Jika kita sama-sama bangun dan membentuk satu suara. Inilah pendekatan kerajaan menyarankan rakyat untuk "mengubah gaya hidup". Mereka tak tahu,yang kita sudah banyak dihantui beban. Semua benda naik. Lepas ni entah apa lagi yang naik. Mereka bukannya nak naikkan gaji pekerja. Tapi nak kurangkan pekerja. Memang tak masuk akal. Mereka berkuasa,rakyat binasa. Deng!

aku nak korang



ubah cara hidup!

berita.....

- takziah buat ja'a dan keluarga(xElevenx/in chrysalis) atas kematian bapanya dihospital klang.pukul 7 pagi. 20 disember.al-fatihah
- Joe kidd kini sudah ada kedai. ya, the ricecooker shop. kalau tak jumpa,pergi CM cari sendiri takpun,masuk www.ricecooker.kerbau.com tunggu update seterusnye dari joe kidd sendiri.
- BERBICARA MENGENAI SESUATU #3 sudah rilis! Temuramah bersama BUGSTAR (BATU GAJAH punk rock) dan BURNING CIVILIANS (TELUK INTAN thrash punk attack) dengan harga RM2.00ppd.Sila kirimkan wang anda ke : MOHD KHALIL, NO 70, HALA MERU 8, TAMAN MERU 2B, 30020 IPOH, PERAK, MALAYSIA (sebuah bahan bacaan DIY penuh dengan luahan sang editor yang tidak berbalas!)

ramai,dan ketika band ini beraksi,crowd masih lagi malu-malu untuk pogo dan mosh.band ini jugak banyak membawakan lagu-lagu cover dari sex pistol. Selepas itu,crowd mula bangun dan pogo sesama mereka. Drummer untuk band ini adalah syed dari band dirty divider. Band seterusnya ialah band yang ditunggu-tunggukan oleh aku.pertama kali melihat mereka beraksi.band the goodnite goodies,jaguh punk revival dari dungun ini datang dengan membawa supporter mereka. Membawakan lagu mereka sendiri seperi the fight,rigid name,fictious dan lagu cover dari NOFX. Aku tidak melepaskan peluang untuk sing-along. Lagu dieorang memang best. Lepas band ni main,aku ke belakang kejap. Tengok stuff yang dijual. Sudah dua band aku terlepas. Virgin villain dan dead eyes glow. Selepas itu,band skapunk yg memang berbakat besar iaitu the killing steward memulakan set mereka. Dieorang banyak mainkan lagu cover. Dan tak silap aku,dieorang ni takde lagu sendiri lagi. Tapi best. Performance dieorang mantap je. Crowd mase nih jangan cakap la. takde yang duduk pun. Dan takde yang diam je macam tengok wayang.semua pogo. Ade yang slam.Aku time ni memang sing along jugak la. Selepas itu,band the dirty divider pulak main. Main ala-ala punk 80 an. Dieorang ni dah ade demo tak silap aku. Mase ni. Dan diaorang ada cover lagu dari band DPSA. "When will I see you again". Lagu ni DPSA cover dulu. tapi dirty divider ni kire cover lagu versi DPSA la. band seterusnya,ialah Clumsyruby. Band punk rock. Main lagu cover dari band superman is dead dan dari lagu dullydog,pink dream. Aku perasan,vokalis dia tak hengat lirik. Hampeh.hehe.Selepas itu,yang ditunggu. Aksi solo Joe kidd. Semua duduk melayan je. Joe mainkan banyak lagu-lagu akustik ciptaan dia sendiri. Dan ade lagu yang dipetik dari album carburater dung. Aku dah lupa tajuk dia ape.tapi,dia mainkan dalam bentuk akusitk la. best. Selepas itu,kejutan dari joe kidd. Beliau mengajak Syed(dirty divider) untuk main bass. Dan Jason(tokei studio) untuk main drum. Dan mereka iringi joe kidd untuk dendangkan lagu dari carburetor dung. Boo hoo clappins song. Korang agak la crowd time tu macam mane. Sampai aku pun kene angkat. Kena slam. Dan kesemua yang ada lam studio tu sing along. Memang best. Time kasih joe. Akhirnya, lagu boo hoo clapping song berkumandang live di terengganu. Selepas sekian lama. Dan acara pada hari itu disudahi dengan 2 lagi lagu dari carburetor dung. Iaitu oppression dan happy.

Lepas itu. Ramai-ramai pergi minum bawah jambatan kuala ibai. Habes cite.!

TERIMA KASIH SEBAB TAMBAHKAN LAGI BEBAN KAMI - (RAKYAT)

Haram jadah! Tol pulak yang naik! Alasan yang dibuat kerajaan ialah dengan mengambil kira faktor peningkatan kos sara hidup, harga minyak, barangan keperluan asas dan penyelenggaraan lebuh raya. Bangsat! Ada ke patut macam tu. Sebenarnya,kerajaan Malaysia ni dah pasang niat lama dah untuk naikkan harga tol. Tapi dieorang pandai. Dieorang buat secare 'step by step'. Mula-mula buat naik haraga barang dulu. lepas tu dieorang buat naik harga minyak. Time buat naik harga minyak ni la,ramai yang tak setuju. Dah la harga barang naik. Dia naikkan pulak harga minyak. Alasan,Najib nak suruh rakyat "ubah gaya hidup". Mungkin pada hemat aku,dia suruh semua rakyat jangan berbelanja terlalu boros.

Sebab bila dia naikkan harga barang,secare automotik nya rakyat akan berhemah-hemah bila berbelanja. Tapi dia tak pikir orang yang tinggal kat Flat Sri Pahang.Yang tinggal dicelah-celah kota seperti kampung di Ampang dan Kampung Baru.Rata-rata mereka ini mempunyai tanggungan yang ramai,tetapi gaji mereka kurang dari rm2000. Diaorang ni memang dah berbelanja ala kadar. Dan ada antara mereka ini,kais pagi makan pagi. Dia buat macam tu untuk orang-orang yang tinggal di Damansara Heigts dan di Putrajaya. Tak kesian ke tengok makcik dan pakcik yang meniaga gerai makan dan bisnes kecil-kecilan tu. diaorang ada jugak nak mengidam pakai kereta mewah-mewah.

Nak jugak duduk rumah 2 tingkat milik sendiri. Kalau nak kata dia suruh kita kurangkan perbelanjaan barangan dapur. Lagi tak logic,macam la dia makan makanan yg diimport dari Perancis. Pusing-pusing,makan daging yang jual kat Malaysia jugak Tambang bas pun sama naik alasan pihak bas,mestila sebab minyak yang naik.Berbalik kepada isu tol.Okeh, isu tol ni sebenarnye berkaitan dengan isu syarikat konsesi tol di seluruh Negara.

Harga tol naik,kerana Kerajaan sudah tidak mampu lagi menanggung pembayaran pampasan kepada pemilik-pemilik konsesi bagi lebuh raya-lebuh raya Guthrie Corridor, Karak, Grand Saga, LDP dan Kesas yang dikatakan mencecah RM2bilion. Lalu kerajaan tidak ada pilihan lain melainkan membenarkan pemilik-pemilik konsesi ini untuk menaikkan kadar tol masing-masing. Tolak sini tolak sana akhirnya mangsa yang haruslah dipendam dahulu. Jika berkesempatan dan diberi peluang, aku tidak akan melepaskannya.

8.Jellybelly suatu ketika dulu,adalah pencetus semangat aku dan kawan-kawan dalam menubuhkan band kami. Jika dilihat dulu,demo pertama jelly belly,dikatakan sold out. Walaupun dirilis dalam bentuk kaset. Bagaimana pulak perkembangan rilisan split cd jellybelly dengan the obvious? Sila ceritakan sedikit pasal cd 'the twosome takeover'.

Terima kasih di atas pernyataan tersebut. Sekurangnya kami berjaya menginspirasikan korang untuk aktif, itu dikira satu kejayaan oleh aku walaupun tak seberapa. Yah! Demo pertama Jellybelly habis dijual 550 copies. Mungkin kerana ketika itu, walaupun sound hancur tapi kerana kami mencetak dan press kaset di kilang. Mungkin ramai yang hampa setelah membeli dan terasa seperti ditipu. Sesungguhnya bukan niat kami untuk menipu. Sememangnya di Terengganu tiada studio yang menyediakan tempat untuk rekod dengan berkualiti sehingga ke hari ini. Tetapi kami bersungguh dalam mengeluarkan demo itu dan sanggup mencetakkannya di kilang. Ternampak sedikit ganjal di situ tetapi memang menjadi masalah sehingga ke hari ni bagi band-band di Terengganu untuk merekod dengan sound yang baik melainkan turun ke KL atau impot sound engineer dari luar.
Sememangnya susah untuk menjual stuff pada masa sekarang berbanding 2-3 tahun lalu. Itu memang diakui oleh rakan-rakan lain yang juga mengusahakan record/distro label. Begitu juga yang terjadi kepada rilis 'the twosome takeover'. Ramai antara kita kini lebih suka copy dari kawan, burn dari CD kawan dan lain-lain. Aku juga berpendapat terlalu banyak rilisan dikeluarkan kini berbanding 3-4 tahun lalu. Pendengar mempunyai terlalu banyak pilihan untuk membeli, jadi mereka beli band-band yang mereka betul-betul minat sahaja atau band kawan-kawan mereka sahaja. Itu pendapat aku.

9.jawab soalan-soalan berikut :
-pendapat kamu tentang sistem demokrasi di Malaysia sekarang
Tahik lembu. Demokrasi ke kalau masih ada ISA? Masih ada polis yang menyalahguna kuasa. Kita tiada hak untuk bersuara secara terang-terangan. Sedangkan protes aman pun akan dihentikan oleh FRU secara semerta.

-berikan definisi HC/punk versi kamu
Kalau Tanya pada 100 orang, kamu akan dapat 100 jawapan yang berlainan. Yeah. Aku setuju tu. Apa yang aku paham tentang hardcore/punk ialah genre music yang berasal/berunsur dari music-music punk awal 70'an dan new wave. Tapi ia bukan sekadar music semata. Ia juga membawa budaya, idea dan pergerakan yang menitik



beratkan kepada kebebasan, keadilan, keamanan, kesamarataan, berfikiran tajam, sifat berdikari dan beratus lagi ism dan ideology yang positif dan negatif. Sama-sama kita ambil apa yang positif dari hc/punk dan buang/elak apa yang negative darinya.
Ingatlah bahawa fesyen adalah tidak penting di dalam Hc/Punk. Memakai jaket kulit atau kasut vans old skool tidak membuatkan kamu lebih punk atau hardcore dari kawan kamu yang tidak memakainya. Revolusi melalui fesyen seperti di tahun 70'an tidak lagi relevan dan berkesan pada masa sekarang. Kuatkan diri dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman. Itu lebih penting, kawang-kawang.

-pendapat kamu tentang scene di Malaysia. Scene di Malaysia???
Hmm...apa yang aku tengok dari segi gig dan jumlah band dan kepelbagaiannya memang meningkat maju berbanding dahulu. Begitu juga dari segi gig promoter, record label, distro label, dan kualiti rakaman dan produksi keluaran diy/independent tempat. Tapi yang merundum mungkin dari segi zine dan apa yang aku tengok apabila sudah besar scene kita, mulalah berpecah belah, boikot-memboikot, pilih kasih, pilih kroni etc. Itu mungkin biasa dan juga di scene-scene di Negara lain.

-ulasan dan pendapat kamu tentang buku goblog.
Tahniah kepada Faisal dan Papakerma kerana berjaya menerbitkan GoBlog! Aku rasa ni buku pertama yang berjaya dikeluarkan oleh budak-budak scene HC/punk/independent tempatan. Tak tahulah kalau dah ada sebelum ni. Maafkan aku. Aku rasa secara keseluruhannya adalah baik. Aku suka akan gaya penulisan dari Kumprinx dari dulu lagi dan juga Pipi. Yang lain tu Ok jugak. Harap dengan lahirnya buku ni, budak-budak lain akan terinspirasi untuk menerbitkan buku lain pula.

-pendapat kamu tentang muzik punk rock? Mengapa sekarang,punk rock sangat jarang dimainkan?adakah punk rock muzik kebudak-budakkan atau ianya satu trend zaman sekarang.dimana band yang

bermain genre musik screamo,emo,hardcore,grind etc.saja yang dijemput untuk bermain di gig.?
Nak kata takde band punk rock tu tipu lah. Banyak saja tapi kurang ditonjolkan kerana penganjur-penganjur gig sekarang agak memilih kerana terlalu banyak band yang ditubuhkan di negara kita sekarang bak cendawan tumbuh sesudah hujan. Band-band yang bermain basic punk rock bagai tidak diendahkan kerana ia sudah terlalu biasa sejak dari dahulu lagi. Penganjur dan juga pengunjung gig lebih menjurus kepada band-band yang memainkan irama terkini atau irama lama yang menjadi trend kembali. Ia bukanlah trend, ia tentang citarasa dan pilihan. Kamu tak suka, kamu kena lakukan sesuatu. Do it yourself. Itu bukan salah mereka, itu hak, pilihan dan citarasa mereka untuk cenderung kepada music-music lain sahaja selain punk rock yang bagi mereka sudah lapuk dan tak laku. Hmmm...

-senaraikan tips-tips untuk menjadi seorang HC/punk sejati
Hahaha. HC/punk bukannya seperti sukan olahraga atau menjawap soalan SPM. Tiada tips. Just be yourself and enjoy while you can. Think positive and avoid doing negative things in life. Kaji dengan mendalam dan ikut rasional, bukan ikut bulat-bulat apa yang ditulis dalam zine atau dikata oleh otai. Ni bukan macam persatuan pengakap muda. Chaiyo!

10.Last, tempik keluar..kata-kata nasihat..atau ada yang ingin disampaikan kepada pembaca zine ini.,atau kata-kata untuk gadis-gadis diluar sana.Soalan cepu emas saya,sekarang ada GF tak?hehe.

Buah hati merupakan persoalan yang aku sendiri tak boleh nak jawap buat masa sekarang. Aku tak pandai nak beri nasihat. Hmm...jadi punk, punk jugak tapi jangan sampai kita abaikan apa yang dinasihat oleh orang tua kita dan janganlah sebab punk, kita jadi anak derhaka.
Di kesempatan ni, aku ingin mengiklankan sedikit. Kepada sesiapa yang berminat untuk mendapatkan Mosh zine #9 atau isu-isu sebelumnya, The Coalition #6 atau isu-isu sebelumnya (RM4ppd) bolehlah kontek aku. Mosh #9 menampilkan temuramah bersama Ila Mitra, The Mindless Show, The Goodnite Goodies, Civil Disorder, xLumbrahx, Jayzuan dan Azmyl Yunor serta bahan-bahan lain seperti review, berita, artwork, etc. Begitu juga dengan rilisan-rilisan Nervhous Rechords seperti aku senaraikan di atas.

Terima kasih kepada xRiziex yang sudi meluangkan masa dan tenaga untuk menghasilkan sesuatu pada scene yang makin lesu dan juga kerana memilih aku untuk dimuatkan dalam zine sulung keluaran beliau.
Punk sokmo! Kontek aku:

Nizang, 49 Jln Rahim Kajai, Tmn Tun Dr Ismail, 60000 Kuala Lumpur
www.punkghok.blogspot.com

AKU TAKNAK MATI MUDA!
Die Young KL gig review

18 Apr 2006
10.00pm-2.00am
RM3

Aku ngan Rizie sampai ke tempat kejadian iaitu di Metalizer Studio, Kajang agak lambat. 2 band metal yg tak dikenali sudah berlalu. Aku masih berlengah2 dan jumpe kawan-kawan termasuklah si Aizu Black Konflik. Aku mengambil kesempatan utk menumpang meja beliau utk menyusun



beberapa keping kaset, CD dan baju utk dijual. Keluasan studio pada bahagian luar (ruang menunggu/melepak) agak luas tetapi studionye agak sempit utk mengadakan upacara seperti gig mahupun jam session. Aku hanya masuk ke dalam studio pada set Self Made God. Keadaan dalam studio amat menggila kerana padat dengan badan manusia yang berpeluh. Terasa macam mandi sauna mase kecik2 dulu. Semasa set Mass Separation, keadaan menjadi bertambah kronik. Hampir tiada ruang utk bernafas jadi aku bergegas keluar utk rilek di luar saje. Terdengar kemeriahan crowd di dalam studio yang menyanyi beramai-ramai terutama di lagu tak mautak mau lagi!.

Disgruntled, kugiran melodic HC/punk mengambil tempat tanpa membuang banyak masa. Utk kugiran ini, crowd tidak begitu ramai seperti band-band sebelumnya. Mungkin ramai sudah bosan dengan irama yg agak ringan iaitu punk rock dimana aku sendiri dapat merasakannya. Agak susah utk menjual stuff punk rock kebelakangan ini. Dengarnya mereka dalam perancangan utk mengeluarkan full-length CD namun line-up agak sibuk bekerja tetapi 3 lagu sudah berjaya di rakam. Good luck!

Semasa set Dead Symphony aku hanya melepak di luar kerana kepenatan melakukan pelbagai aksi semasa set Disgruntled tadi seperti berlari anak, melompat bintang, menyanyi bersama. Kaki aku jugak sedikit lebam akibat terlanggar dengan kepala lutut yang sesat.

Kugiran terakhir utk malam itu merupakan tidak lain dan tidak bukan iaitu kugiran dari Texas, Die Young. Aku terbaca di flyer yang mengatakan mereka main metalcore. Ternyata mereka tiada pengaruh metal2 di dalam music mereka. Mereka main hardcore yang political. Antara lirik mengenai the so-called American dream, perang George Bush, dan scene politics. Crowd yang hadir begitu supporting dan memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada mereka dengan membuat pelbagai aksi seperi circle pit, lompat bintang, mosh potato dan sebagainya. Dari riak wajah ahli band, ternyata setiap ahli Die Young amat terharu dengan sambutan yang diberikan kepada mereka.

Setelah selesai set mereka, aku, Rizie dan Azam bergegas utk mencari kedai makan kerana perut kami mula membuat bunyi2 yang tidak menyenangkan. Aku terpaksa melayan kerenah mereka yang ingin menonton bola di kaca TV mapley hingga ke jam 4 pagi.aduh !



Laporan acara "Nasik Dagang Raya Jamm"

Okey. Jamm session kali ini agak kelam kabut sedikit persiapanya. Tapi dengan semangat yang jitu dan kental, acara ini berjaya melalui proses kemeriahan yang ketara. Seperti yang sedia maklum,acara sesi jamming ini telah diorganisasikan oleh saudara nizang dan dibantu sendiri oleh aku. jamm session kali ini jugak menampilkan buat julung-julung kalinya persembahan akustik dari Joe kidd secara live di terengganu. Namun,kelancaran gig ini sedikit sebanyak tergugat dek kerana masalah-masalah berikut :

1. bermula dengan perubahan tarikh acara itu.secara amnya,kami menulis pada flyers itu,acara pada hari raya ketiga.kami tidak lansung berfikirkan tentang hari apa yang bakal jatuh pada hari raya ketiga itu.dan hari raya ketiga ialah hari khamis. Untuk pengetahuan semua,hari khamis malam jumaat sama sekali tidak dibenarkan sebarang bentuk hiburan di negeri kami. Dan jika hari-hari lain pula,sebarang premis yang menjalankan perniagaan berbentuk hiburan juga diarahkan tutup sebelum pukul 12 malam. Oleh itu,solusinya,kami terpaksa menangguhkan acara ini pada hari raya keempat pada pukul 3 petang.
2. studio yang kiteorang sewa untuk jamm session tu takde AMP untuk gitar kedua. So,kami terpaksa mencarinya sendiri. Atas inisiatif dan semangat berkumpulan antara aku dan nizang. Amp berjaya dipinjam.
3. pada waktu agak petang,ketika acara itu berlansung, kami diberitakan pihak polis ada menunggu dibawah studio. Jadi,nizang terpaksa memberhentikan penjualan tiket masuk didepan pintu studio kerana bimbang kalau-kalau polis naik dan meng'raid' kami. Semua stuff yang dijual dibelakang pun terpaksa disimpan dulu,tapi tak lama selepas itu,salah seorang daripada kami turun untuk mengkelentong polis dan memberitahu acara yang sedang berlaku diatas studio adalah acara penjumpaan hari raya persatuan vespa.oleh itu,kami selamat.dan kembali melayan band yang sedang bermain.
4. ketika band dead eyes glow sedang setting sound dieorang,skin bass drum mengalami sedikit kerosakan teknikal.dan secara rasminya kami terpaksa membetulkan skin itu dengan menampal tape pada permukaan nya.ini untuk mengelakkan skin itu semakin pecah.
5. ketika hanya tinggal lagi 3 band untuk menghabiskan acara jamm session ini,AMP yang dipinjam dari seorang kawan kiteorang tadi tidak mengeluarkan bunyi. Tidak pasti apa masalah yang berlaku keatas AMP itu. Mungkin blow. Untuk tidak membuang masa,acara mesti diteruskan. Nasib lah kalau ada band yang kena perform 2 gitar.sebab gitar kedua tidak dapat dimainkan dek kerana AMP rosak.

Keadaan studio yang agak sempit dan panas membuatkan pengunjung acara agak tidak selesa. Tetapi,band pertama yang beraksi lagi panas dari yang kami sangkakan. Sebuah band punk diberi nama No Dogs Body. Mempunyai crowd yang